

قَتِيْقِن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"IBADAT mestilah kemas, bagus dan sahih. Adapun Imam dan Bilal, berkewajipan untuk melurus dan mencantikkan ibadat itu. Khususnya Imam, mempunyai tanggungjawab yang amat berat. Mereka turut menentukan ibadat orang-orang Islam di belakang mereka. Jika mereka betul, maka makmum yang mengikut mereka pun akan turut betul juga. Tetapi sebaliknya, jika mereka salah atau cacat bacaan, maka para makmum akan turut menerima risikonya juga."  
- Titah Sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1431 Hijrah.



# Pelita BRUNEI

قَلْبِي فِي سَبِيْلِ  
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN pemberian (riba) yang kamu berikan dengan maksud supaya ia bertambah pada harta manusia maka ia tidak bertambah di sisi Allah, dan pemberian zakat atau sedekah yang kamu berikan kerana menghendaki keridaan Allah, maka mereka itulah orang yang mendapat pahala berlipat ganda."  
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar Ruum, ayat 39).

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.05 SUBUH 5.15 SYURUK 6.36 DUHA 6.59 ZUHUR 12.34 ASAR 3.55 MAGHRIB 6.29 ISYAK 7.42

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 11

25 JANUARI 2017 / 1438 ربيع الأخير 27

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

## Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Republik Kosovo



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Kosovo, Tuan Yang Terutama Enver Hoxhaj yang sedang berada di Negara Brunei Darussalam dalam rangka lawatan rasmi.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan TYT Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Kosovo berbincang mengenai isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Kosovo serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau dan antarabangsa.

Turut hadir pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Kosovo, Tuan Yang Terutama Enver Hoxhaj yang berlangsung di Istana Nurul Iman.**

## DPMM berangkat melawat tapak projek RKN Ke-10

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim, Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengerusi

Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 hari ini berkenan berangkat mengadakan lawatan kerja kali kesembilan ke beberapa buah tapak projek RKN Ke-10 khususnya di bawah Kementerian Pembangunan.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Pejabat Tapak Projek dijunjung oleh Menteri di JPM

dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi RKN Ke-10; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi RKN Ke-10.

DYTM kemudian dijunjung berangkat bagi mendengarkan sembah taklimat yang dimulakan dengan bacaan Surah Al Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Mohammad Hafizuddin bin Pengiran



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 berkenan berangkat mengadakan lawatan kerja kali kesembilan ke beberapa buah tapak projek RKN Ke-10. Foto : Masri Osman.**

Haji Bakar.

Sembah taklimat berkenaan disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Kementerian

Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin mengenai projek-projek yang akan dilawati.

Ke muka 3

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept\_bn



Jabatan  
Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri

E-mel: [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

# Sektor maritim buka peluang pelaburan, pekerjaan anak tempatan

Bismillahir Rahmannir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**A**LHAMDULILLAH, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana atas izin-Nya jua, kita dapat bersama pada pagi ini bagi Majlis Seminar on Commercial Diving Safety yang dianjurkan oleh Al-Hadid Marine Services Sendirian Berhad.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Al-Hadid Marine Services atas ingatan baik mengundang saya bagi merasmikan seminar ini.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Al-Hadid Marine Services, syarikat tempatan pertama yang berkecimpung dalam perkhidmatan *commercial diving* di Negara Brunei Darussalam. Walaupun baru sahaja ditubuhkan pada bulan September 2014, syarikat ini telah terlibat dalam melaksanakan pelbagai projek yang boleh dianggap *professionally demanding*, termasuklah projek-projek kerajaan.

Seminar ini diadakan tepat pada waktunya apabila kita sedang berhadapan dengan cabaran-cabaran ekonomi antarabangsa yang membawa impak ke atas kemajuan dan pembangunan negara. Antara perkara penting yang kita berikan tumpuan dalam hal ini ialah keperluan untuk meningkatkan keupayaan negara dalam pemberian perkhidmatan-perkhidmatan khusus yang mencabar dan memerlukan kepakaran, tanpa bersandar kepada sumber-sumber dari negara lain.

Sebagai sebuah negara pengeluar minyak dan gas, dan dalam usaha kerajaan ketika ini untuk mempertingkatkan sektor maritim, kita tidak ketandusan idea-idea baharu untuk memperluaskan lagi aktiviti-aktiviti perdagangan dan membuka peluang-peluang pelaburan dan pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Dari itu, saya sangat menghargai usaha dan inisiatif Al-Hadid Marine Services dalam mengadakan seminar ini sebagai perintis yang mencetuskan idea-idea dan perkhidmatan-perkhidmatan baru yang boleh diterokai.

Seminar ini juga akan dapat meningkatkan kesedaran mengenai bidang *commercial diving* sebagai satu pilihan kerjaya yang memberi ganjaran yang memuaskan (*rewarding*), tetapi mencabar dalam pelbagai aspek. Perkhidmatan *commercial divers* ini juga diperlukan terutamanya oleh sektor maritim, khususnya perkapalan, minyak dan gas, pertahanan dan tidak lupa juga kepada misi kemanusiaan (seperti *search and rescue*) dan eksplorasi sejarah. (Antara yang menarik adalah seperti *underwater photographers*, *Hazardous Materials (HAZMAT) divers*, *scientific divers* serta *naval divers*).

Dengan bertumbuhnya sektor-sektor berkenaan, maka peluang-peluang pekerjaan sebagai *commercial divers* bukan hanya terbuka luas di dalam negara ini sahaja, tetapi



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa berucap pada Majlis Launching of Al-Hadid Commercial Diving Safety Seminar pada hari Selasa, 19 Rabiulakhir 1438 Hijrah / 17 Januari 2017 Masihi, di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club.

juga di tempat-tempat lain.

Satu aspek penting yang akan diketengahkan semasa seminar ini ialah mengenai kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (Health, Safety and Environment). Perkara ini bertepatan sekali terutama kepada mereka yang telah berkecimpung dalam bidang ini.

Seperti yang kita maklumi, *commercial diving services* dan *commercial divers* merupakan satu kerjaya yang mempunyai risiko yang tinggi kerana mereka berhadapan dengan suasana yang berlainan, dan terdedah kepada bahaya sama ada yang diketahui mahu pun juga yang di luar jangkaan.

Karier ini memerlukan individu berkenaan untuk bertindak mengikut prosedur yang ditetapkan dan prinsip yang mengutamakan keselamatan atau *safety first*. Sangat jelas di sini, keselamatan adalah faktor yang tidak dapat dikompromi dalam *commercial diving*.

Antaranya adalah keperluan untuk memastikan alat kelengkapan seperti *breathing apparatus* dan *communications equipments* sentiasa berfungsi dan dalam keadaan baik. Di samping itu, prosedur-prosedur keselamatan yang tertentu hendaklah dipatuhi sambil mempunyai ketahanan fizikal dan mental untuk mereka membuat sebarang keputusan dan bertindak sewajarnya dalam suasana dan persekitaran

yang bahaya.

Perkara ini perlu juga diketahui oleh mereka yang ingin melibatkan diri sebagai *commercial divers*, khususnya di kalangan mereka yang sudah mempunyai kepakaran-kepakaran teknikal dalam bidang yang lain.

Ke arah ini, saya mengambil maklum bahawa Al-Hadid Marine Services menggunakan piawaian dan amalan-amalan terbaik antarabangsa yang ditetapkan oleh badan-badan kerajaan di negara-negara membangun yang digunakan untuk mentadbir aktiviti *commercial diving* di negara berkenaan, khususnya International Marine Contractors Association di United Kingdom.

Dalam hal ini, saya percaya Al-Hadid Marine Services sebagai *pioneer* dalam *commercial diving services*, mempunyai kedudukan yang unik untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan ke arah mengusahakan satu piawaian khusus yang lebih *coherent* untuk digunakan sebagai garis panduan bagi *commercial diving services* di negara ini.

Kementerian Perhubungan menempatkan keselamatan sebagai salah satu strategi utama dalam dasar Peningkatan Sistem Perkhidmatan Pengangkutan Awam. Ini termasuklah memenuhi keperluan piawaian yang ditetapkan oleh badan-badan antarabangsa seperti International Civil Aviation Organisation (ICAO) dan International Maritime Organisation (IMO).

Ke arah ini, Kementerian Perhubungan telah menubuhkan Bahagian Keselamatan dan Penyiasatan (Safety & Investigation Division) yang akan terus memantau kesediaan dan kesiapsiagaan (*preparedness and readiness*) agensi-agensi di bawah Kementerian Perhubungan dalam menangani sebarang kemungkinan. Perkara ini penting untuk semua pihak memberikan perhatian sewajarnya memandangkan tanggungjawab Kementerian Perhubungan yang melibatkan pergerakan awam secara menyeluruh.

Dalam hal ini, sektor maritim juga terus mengalami pelbagai cabaran. Persekitaran maritim terus menghadapi ancaman yang berpunca dari aktiviti maritim sendiri. Antaranya adalah seperti bangkai kapal karam, pembuangan sisa dari kapal dan tumpahan minyak yang dapat menjejaskan keselamatan navigasi perkapalan.

Dengan mengambil kira mustahaknya memelihara persekitaran maritim daripada ancaman-ancaman sebegini, keperluan bagi perkhidmatan *commercial diving* menjadi semakin ketara. *Commercial divers* berkeupayaan untuk menjalankan kerja-kerja seperti melupuskan bangkai kapal karam, membuat pemeriksaan, menilai serta membaiki kerosakan pada infrastruktur dan bangunan di bawah permukaan laut.

Ke muka 12

Dari Sidang  
Pengarang.

25 JANUARI 2017 BERSAMAAN 1438 ربيع الآخر 27

## BANYAKKAN ZIKIR, ELAK 'GHIBAH'

**S**ELALUNYA orang yang beriman dan tinggi akhlak akan bercakap hal yang baik sahaja. Mereka tidak akan menyakiti hati orang lain, tidak mengumpat dan tidak mengucapkan perkataan kotor. Ia adalah antara ciri-ciri orang yang beriman. Orang beriman tidak bercakap perkara yang sia-sia atau tidak berfaedah serta mengawal lidah mereka sebaik-baiknya.

Manakala orang yang binasa pula akan sentiasa melakukan perkara mungkar, maksiat dan tidak mengawal lidahnya dengan baik. Jika percakapan kita boleh menyebabkan orang lain sakit hati atau terguris, maka ia boleh mendatangkan keburukan kepada kita. Sibukkan diri kita dengan bermuhasabah dan memperbaiki segala kelemahan adalah lebih baik.

Menceritakan keburukan atau kekurangan atau membuka aib seseorang kepada orang lain dikenali sebagai 'ghibah' atau mengumpat. Hukum mengumpat seperti yang disepakati para ulama adalah haram. Mengumpat diumpamakan seperti memakan daging orang yang telah mati. Apabila sesuatu yang haram itu terus dimakan, maka ia akan menjurus kepada dosa besar.

Perbuatan mengumpat dianggap sebagai satu dosa kerana dianggap sebagai sifat yang suka mencela dan mengejek. Ini berpunca dari rasa iri hati, bongkak, sombong dan memandang rendah kepada orang lain. Ia juga dianggap sebagai menyerang peribadi dan kehormatan seseorang. Imam asy-Syaukani menyarankan agar manusia terutamanya umat Islam menjauhi mengumpat.

Wajib bagi orang Islam berusaha memperbanyakkan zikir bagi mengelakkan diri dari perbuatan mengumpat. Antara saranan daripada Imam al-Ghazali bagi menghentikan sikap suka mengumpat ialah harus sedar serta insaf bahawa mengumpat dan memburuk-burukkan orang lain itu berdosa besar; sedar dan membetulkan kesalahan sendiri dari menyalahkan orang; dan hendaklah berasa malu apabila memperli kecacatan orang lain kerana mencela kecacatan fizikal seolah-olah mencela Tuhan yang menciptakan.

Imam an-Nawawi dalam Syarah Muslim menjelaskan bahawa terdapat enam keadaan yang dibolehkan 'ghibah' atau membuka aib, iaitu ketika mengadakan perbuatan zalim atau perbuatan jahat orang lain kepada pihak yang berkuasa; meminta tolong agar dihilangkan dari suatu perbuatan mungkar dan untuk membuat orang yang berbuat kemungkaran tersebut kembali kepada jalan yang benar; meminta fatwa (nasihat hukum) daripada seorang mufti; mengingatkan kaum Muslimin terhadap satu keburukan seperti mengungkap kekurangan hafalan seorang perawi hadis; membicarakan orang yang terang-terangan berbuat maksiat dan 'bid'ah' terhadap maksiat atau 'bid'ah' yang ia lakukan, bukan pada masalah lainnya dan menyebut orang lain dengan sebutan yang ia sudah makruf dengannya seperti menyebutnya si buta. Namun, jika ada ucapan yang bagus, itu lebih baik.

Berikut antara inti sari Menuju Keredaan Allah keluaran Rabu, 25 Januari 2017 yang dapat diambil sebagai pedoman dan renungan bersama. Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa. Perbuatan mengumpat berdosa hukumnya, melafazkan zikir berpahala, muhasabah diri bersihkan jiwa, tambahkan amalan agar bahagia, elak 'ghibah' agar terpelihara sentiasa. - **Ketua Penyuntingan (Nb)**.

Ramalan Cuaca 3 Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN	32°C / 25°C	32°C / 25°C
MUDA	32°C / 25°C	32°C / 26°C
PERAK SANGAR	32°C / 25°C	32°C / 25°C
PERAK TUTONG	32°C / 25°C	32°C / 25°C
PERAK SERA	32°C / 25°C	32°C / 26°C
KUALA BELAIT	32°C / 25°C	32°C / 25°C

# WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
25	RABU	27	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
26	KHAMIS	28	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
27	JUMAAT	29	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
28	SABTU	30	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.56	6.30	7.43
29	AHAD	1 JAMADILAWAL	5.05	5.15	6.36	7.00	12.34	3.56	6.30	7.43
30	ISNIN	2	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
31	SELASA	3	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



**TALIAN  
KECEMASAN**

AMBULANS  
**991**

POLIS  
**993**

BOMBA  
**995**

PENYELAMAT  
**998**

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

**123**

NDMC  
**2380214**

# DPMIM berangkat melawat tapak projek RKN Ke-10



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 berkenan berangkat mengadakan lawatan kerja kali kesembilan ke beberapa buah tapak projek RKN Ke-10 khususnya di bawah Kementerian Pembangunan.

## Dari muka 1

Selesai mendengarkan sembah taklimat, DYTMM seterusnya dijunjung dan diiringi oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk berangkat melawat ke Tapak Projek Revitalisasi Kampung Ayer Zon 'A', di mana DYTMM menerima sembah penerangan mengenai status terkini projek tersebut yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Saliran dan

Pembentukan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Abdul Karim.

Setelah itu, DYTMM kemudiannya dijunjung beredat ke Tapak Projek Revitalisasi berdekatan kawasan Jeti Kampung Sumbiling.

Di sini, DYTMM menerima sembah penerangan daripada Pemangku Jurutera Kerja, JKR, Pengiran Muhammad Fuad bin Pengiran Haji Ali dan kemudiannya dijunjung bagi menandatangani Lembaran

Kenangan diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Projek Revitalisasi Kampung Ayer Zon 'A' Menimbuk dan Manambak dari Sungai Kedayan ke Jabatan Edinburgh - Regenerasi Sungai Kedayan (Design and Build) telah bermula pada bulan Januari 2016 dan dijangka akan siap pada bulan Mei 2018 dengan menelan kos perbelanjaan sebanyak BND35,991,266.47.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,  
Nooratini Haji Abas

Foto : Masri Osman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Matlamat-matlamat Projek Revitalisasi Kampung Ayer Zon 'A', Menimbuk dan Manambak dari Sungai Kedayan ke Jabatan Edinburgh - Regenerasi Sungai Kedayan (Design and Build) tersebut adalah untuk mengurangkan

banjir bagi kawasan tadahan Sungai Kedayan, di samping bagi meningkatkan hubungan dan gaya hidup budaya yang sihat untuk orang ramai.

Ke muka 4



DULI Yang Teramat Mulia semasa berkenan berangkat dan disampaikan taklimat mengenai Projek Revitalisasi Kampung Ayer Zon 'A'.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa berkenan menandatangani Lembaran Kenangan.

### Dari muka 3

Selain itu ia juga bertujuan bagi menyediakan platform untuk pembangunan ekonomi yang mapan di masa depan.

Selesai di tapak projek berkenaan, DYTM dijunjung beredar ke Tarindak D'Seni untuk melihat pemandangan keseluruhan tapak projek yang akan dilawati seterusnya, iaitu Fasa 2 Projek Pembesaran Jalan Residency.

Di sini DYTM telah berkenan mendengarkan sembah penerangan mengenai projek tersebut yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Jalan Raya, JKR, Awang Haji Mazlan bin Haji Abdul Salim.

Selepas itu, DYTM juga berkenan menikmati Santap Pagi.

Untuk melihat dengan lebih dekat lagi, DYTM kemudiannya berkenan berangkat ke Tapak Projek Pembesaran Jalan Residency (Fasa 2), di mana DYTM menerima sembah penerangan daripada Pemangku Penolong Pengarah Jalan Raya, JKR, Awang Rafitra bin Haji Abdul Razak.

Sejurus itu, DYTM dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Projek Pembesaran Jalan

Residency (Fasa 2) yang menelan belanja kos perbelanjaan bernilai BND49 juta itu merupakan kesinambungan projek menaik taraf Jalan Residency Fasa 1 yang telah siap dilaksanakan pada tahun 2013.

Projek tersebut antara lain bertujuan untuk melicinkan pergerakan lalu lintas terutama bagi pengguna jalan raya yang berulang-alik dari Bandar Seri Begawan (BSB) menuju ke Jalan Kota Batu, selain setelah siap Jambatan Sungai Kebun nanti jumlah trafik dari Mukim Lumapas dan sekitarnya yang akan melalui kawasan tersebut akan meningkat.

Di samping itu, projek tersebut juga dihasratkan untuk mencantikkan lagi pemandangan di sekitar BSB bagi orang ramai dan juga para pelancong. Projek Pembesaran Jalan Residency (Fasa 2) itu telah melibatkan pembesaran Jalan Residency sepanjang 1.2 kilometer, iaitu bermula dari Jambatan Sungai Kianggeh hingga ke Bubungan Dua Belas.

Antara skop kerja projek yang dilaksanakan di bawah Fasa 2 termasuk kerja-kerja utama, iaitu membina empat lorong dua hala dari Jambatan Sungai Kianggeh ke Bubungan Dua Belas; menaik taraf persimpangan Jalan Subok ke Jalan



DULI Yang Teramat Mulia semasa berkenan berangkat dengan menggunakan buggy ke tapak Projek Revitalisasi Kampung Ayer Zon 'A'.



DYTM semasa berkenan mendengarkan sembah penerangan mengenai Projek Jeti Sumbiling.



DYTM semasa berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada Pemangku Pengarah Jalan Raya, JKR mengenai Projek Pembinaan Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency.

Residency; menyediakan ruang pejalan kaki seluas lapan meter; menyediakan pondok-pondok jeti yang lebih selesa dan selamat untuk kemudahan penduduk Kampung Ayer; pembangunan semula Gerai Makan Kianggeh; menyediakan 270 unit letak kereta yang teratur dan selesa; pemasangan lampu isyarat di persimpangan Jalan Subok dan Jalan Baru; membaik pulih stesen pam (PS6) yang sedia ada dan pemasangan lampu jalan.

Seterusnya, DYTM dijunjung berangkat ke Tapak Projek Pembinaan Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency.

Di sini, DYTM berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada Pemangku Pengarah Jalan Raya, sebelum berkenan menaiki kenderaan khas untuk meninjau sepanjang jambatan sehingga ke hujung Jalan Sungai Kebun.

DYTM seterusnya dijunjung berangkat ke pertengahan Jambatan Penghubung berkenaan untuk mendengarkan sembah penerangan

sebelum menandatangani Lembaran Kenangan dan bergambar ramai pada mengakhiri lawatan kerja hari ini.

Projek pembinaan jambatan penghubung sepanjang 607 meter itu memakan masa selama tiga tahun dan merupakan projek di bawah RKN Ke-10 dengan nilai BND139 juta termasuk pembinaan dua buah jejambat, iaitu sebuah jejambat di Jalan Residency dan sebuah jejambat di Jalan Sungai Kebun.

Projek yang dikendalikan oleh JKR, Kementerian Pembangunan ini telah memberikan kepercayaan pembinaannya kepada usahasama Syarikat Swee Sdn. Bhd., Daelim Industrial Company Limited dan TRC.

Dengan terbinanya jambatan itu nanti akan menghubungkan dua buah kawasan utama di negara ini, iaitu Bandar Seri Begawan dan Mukim Lumapas.

Ke muka 5



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri semasa berkenan menerima sembah taklimat daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengenai Projek Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency.



DULI Yang Teramat Mulia semasa berkenan disambahkan taklimat oleh Pemangku Pengarah Jalan Raya, JKR mengenai Projek Pembinaan Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency.



DYTM semasa berkenan mendengarkan sembah taklimat daripada Pemangku Pengarah Jalan Raya, JKR mengenai Projek Pembesaran Jalan Residency (Fasa 2).

**Dari muka 4**

Projek jambatan penghubung itu mengambil kira beberapa kriteria yang utama dengan konsep reka bentuk yang memberi impak positif pada peredaran trafik, reka bentuk yang ikonik yang dapat dijadikan sebagai mercu tanda di negara ini selaras dengan kedudukannya yang terletak di persekitaran ibu negara selain kos pembinaan yang berpatutan.

Projek yang julung-julung kali dilaksanakan di negara ini, iaitu pembinaan *cable stayed bridge* sepanjang 300 meter *main span* dan 157 meter *high cable (pylon) tower* dan jika siap nanti ia akan menjadi *cable stayed bridge* yang pertama di negara ini.

Projek tersebut dilaksanakan secara *design and build contract*, yang mana pemborong dikehendaki melantik jurutera perunding yang mempunyai kepakaran dalam bidang pembinaan jambatan *cable stayed bridge*.

Dengan terbinanya jambatan penghubung ini secara langsung mencerminkan satu lagi mercu tanda yang melambangkan kejayaan dalam bidang industri pembinaan baik di negara ini mahupun di rantau ini, apatah lagi ia melibatkan pemborong dari luar negara

yang sememangnya berpengalaman dan berkemahiran.

Dalam pada itu, lawatan kerja DYTM ke tapak-tapak projek RKN Ke-10 ini mencerminkan kepimpinan DYTM di dalam memastikan pelaksanaan projek-projek yang dirancang berjalan dengan lancar demi mendukung hasrat negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.



DYTM semasa berkenan berangkat ke Majlis Santap Pagi di Tarindak D'Seni.

# Berubahlah dari menjadi 'pengguna' teknologi ke 'pengeluar' inovatif



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Januari. - Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar percaya idea-idea kreatif, jika diterjemahkan ke dalam teknologi dan media masa depan mempunyai potensi untuk membawa penyelesaian yang mampan dan berkesan yang boleh membantu perjalanan kita ke era digital.

Seterusnya, bagaimana kita boleh memanfaatkan gelombang teknologi itu dan memanfaatkannya supaya ia meningkatkan

**MENTERI** Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar berucap dan seterusnya merasmikan Pertandingan B{CODE} : Brunei 1st National ICT Hackathon.

kehidupan kita di Negara Brunei Darussalam? Yang Berhormat menekankan, kita mesti berfikir secara positif, di mana boleh mengubah kehidupan kita menggunakan teknologi tersebut, di samping berpegang teguh pada nilai-nilai kebangsaan dan prinsip-prinsip.

"Idea yang baik, proses yang baik dan kecekapan perlu menjadi pendorong cara kita untuk menggunakan teknologi digital dan pada masa yang sama, dengan teknologi di hujung jari, ia lebih mudah untuk membuat eksperimen, berinovasi dan terus meningkatkan diri kita sendiri," jelasnya.

Pada pelancaran B{CODE} : Brunei 1st National ICT Hackathon yang berlangsung di Bangunan Design and Technology, Kampung Anggerek Desa, Yang Berhormat mengingatkan agar kita perlu lebih bersedia dan berani untuk mencuba yang

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

baharu dan berbeza.

Dalam usaha untuk membangunkan sumbangan kita kepada Ekonomi Digital global kita tegasnya perlu berubah dari menjadi 'pengguna' teknologi ke 'pengeluar' yang inovatif, yang mana mewujudkan teknologi baharu, harta intelek, produk yang seterusnya peluang untuk pertumbuhan dan sumbangan pada ekonomi negara ini dan juga dunia luar.

Seramai 155 peserta dari 43 kumpulan telah mendaftar untuk menyertai Pertandingan B{CODE} : Brunei 1st National ICT Hackathon. Melalui inisiatif tersebut dapat melibatkan dan memanfaatkan kreativiti semua para peserta yang terlibat, di samping menyediakan

platform yang kukuh untuk mempamerkan bakat dan kebolehan mereka.

Justeru itu, Yang Berhormat berharap pertandingan tersebut membantu membangunkan kemahiran juga memberi inspirasi kepada mereka untuk menjadi pemaju dan pengaturcara yang bertaraf dunia.

Terdahulu, Yang Berhormat berharap pertandingan tersebut akan membawa perubahan minda untuk menjadi lebih berani dalam menyelesaikan masalah bukan hanya dalam kalangan para peserta hackathon ICT, tetapi di seluruh Brunei.

## Pertandingan B{CODE} pacu kreativiti



**MENTERI** Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menyaksikan petak-petak pameran pertandingan B{CODE} yang menunjukkan tema-tema cabaran yang perlu diselesaikan oleh peserta-peserta B{CODE} : Brunei 1st National ICT Hackathon.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Januari. - Pertandingan B{CODE} : Brunei 1st National ICT Hackathon yang akan diadakan selama dua bulan mulai 24 Januari 2017 sehingga 8 Mac 2017.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran B{CODE} disempurnakan oleh Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar di Bangunan Design and Technology, Kampung Anggerek Desa, di sini.

B{CODE} yang dianjurkan bersama oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dan Jabatan Perindustrian dan Tenaga dengan kerjasama Microsoft (Brunei) Sendirian Berhad bertujuan untuk membawa inovasi, pemaju dan pihak berkepentingan utama dalam sama-sama menyelesaikan cabaran dunia sebenar.

Matlamat pertandingan tersebut adalah untuk menggalakkan inovasi, merangsang idea dan memacu kreativiti dengan mengatasi dan menyediakan penyelesaian pada cabaran yang kini dihadapi Brunei Darussalam melalui penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Sembilan tema yang perlu ditangani melalui pertandingan berkenaan, iaitu Communication Hub Brunei, Crowdfunding, Intelligent Emergency Response, Talent Search Centre, Interactive / Dynamic Data Platform, Property Guide, Public Transportation,

Local Tourism and Brunei Fitness.

Pertandingan ini dilaksanakan dalam dua peringkat, iaitu 'Idea-thon'

dan 'Appa-thon'. Pada 'Idea-thon' setiap pasukan akan dikehendaki memberikan idea, cadangan dan konsep mengenai cara untuk menangani isu-isu yang dinyatakan di dalam tema.

Sementara itu, dalam 'Appa-thon', pasukan yang berjaya kemudian akan diperlukan untuk membangunkan aplikasi mudah alih atau web berdasarkan idea-idea mereka dalam 'Idea-thon'.

Lebih 150 peserta termasuk pelajar institusi pengajian tinggi, ahli perniagaan, serta ahli-ahli lain turut sama mengambil bahagian dalam pertandingan berkenaan.

Hadiah bagi pertandingan itu termasuklah geran permulaan berjumlah BND20,000, satu bulan mentor di Microsoft (Brunei) Sdn. Bhd. dan enam bulan bagi akses kemudahan yang disediakan di iCentre.

Melalui pertandingan tersebut diharap dapat merangsang penyelesaian berkekalan terhadap kebimbangan yang dihadapi oleh masyarakat kita hari ini dan menggalakkan ahli perniagaan dan orang awam untuk membangunkan idea-idea dan cadangan tentang bagaimana untuk menyelesaikan masalah

tersebut.

Ia juga diharap dapat meningkatkan lagi kesedaran dan menggalakkan perkongsian kerjasama di antara awam-swasta dalam pembangunan ICT dan mewujudkan peluang-peluang baharu untuk industri tempatan dalam sektor ICT. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.b-code.gov.bn/](http://www.b-code.gov.bn/)

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), JPM, Dato Paduka Awang Yahya bin Haji Idris; Setiausaha Tetap (Perindustrian), JPM, Awang Adi Shamsul bin Haji Sabli; Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap (IT, E-Kerajaan dan Industri), JPM, Awang Muhammad Norshafiee bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Dayang Mazriyani binti Haji Abdul Ghani; Pengarah Urusan Microsoft (Brunei) Sdn. Bhd., Awang Mohamed Afif Mohamed Ali serta pegawai-pegawai dari pelbagai agensi kerajaan, pihak berkepentingan dan para peserta.



**MENTERI** Tenaga dan Perindustrian di JPM memberikan kata-kata semangat untuk peserta-peserta yang mengikuti B{CODE} : Brunei 1st National ICT Hackathon.

# Mufti Kerajaan terima kunjung hormat

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 24 Januari. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menerima kunjungan hormat daripada Rektor Al-Fatih Islamic Campus, Universiti Bilad Al-Sham, Damsyik, Syria, Profesor Dr. Husameddin Farfour M. Salleh berlangsung di Pejabat Yang Berhormat di DarulIfta Brunei Darussalam, Jalan Pengiran Babu Raja.

Pada kunjungan tersebut, Profesor Dr. Husameddin Farfour M. Salleh disertai oleh dua pegawai dari

universiti berkenaan, iaitu Yaman Alistawani Mhd Adnan dan Waleed Abdelmonem Elsaid Ibrahim.

Profesor Dr. Husameddin Farfour M. Salleh dan rombongan adalah dalam rangka lawatan kerja ke negara ini bagi Penandatanganan MoU antara Al-Fatih Islamic Campus, Universiti Bilad Al-Sham, Damsyik, Syria dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Negara Brunei Darussalam.

Di DarulIfta Brunei Darussalam, Profesor Dr. Husameddin Farfour M. Salleh dan rombongan juga telah dibawa melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



**MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menerima kunjungan hormat daripada Rektor Al-Fatih Islamic Campus, Universiti Bilad Al-Sham, Damsyik, Syria, Profesor Dr. Husameddin Farfour M. Salleh yang berlangsung di Pejabat Yang Berhormat di DarulIfta Brunei Darussalam, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan.**

## Sistem e-Syariah tingkatkan perkhidmatan Mahkamah Syariah

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin, Ammar Asyraf Haji Suhaimi  
Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 24 Januari. - Sistem e-Syariah merupakan salah satu usaha untuk mempertingkatkan urusan pentadbiran mahkamah-mahkamah syaria'ah dari semasa ke semasa ke arah teknologi info komunikasi bagi meningkatkan mutu perkhidmatan, produktiviti dan kecekapan pengurusan Mahkamah Syariah.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah-Mahkamah Syariah, Awang Haji Hassan bin Haji Metali ketika ditemui bual oleh Pelita Brunei di Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan, di sini.

Sistem tersebut mengandungi dua modul utama dan dua proses tambahan yang mana modul pertama ialah Sistem Pengurusan atau lebih dikenali sebagai Case Management System (CMS) yang digunakan untuk memproses pendaftaran kes-kes mal dan jenayah, pengeluaran resit bayaran dan kutipan, penjadualan dan pengagihan kes, merekodkan status serta keputusan kes, terangnya lagi.

Modul kedua pula, jelas beliau lagi, ialah Munakahat yang berfungsi untuk permohonan kebenaran berkahwin di dalam dan luar negeri, pemeriksaan daftar dan indeks serta permohonan pendaftaran perkahwinan, perceraian, pembatalan

dan rujuk orang Islam.

Tambahnya lagi, Portal e-Syariah merupakan modul tambahan yang memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh mahkamah syariah dan tatacara permohonan, melakukan pra pendaftaran ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah bagi ahli yang berdaftar serta permohonan dalam talian penerimaan masuk dan sijil amalan peguam syarie.

"Manakala modul tambahan yang kedua ialah Kad Nikah, yang mana permohonan dan pendaftaran kad nikah akan dilaksanakan dengan proses baharu di bawah sistem Munakahat selaras dengan kehendak Akta Undang-Undang Keluarga Islam Penggal 217 dalam pendaftaran perkahwinan, proses tersebut terapkan bagi perkahwinan di negara ini setelah berkuatkuasanya Akta Undang-Undang Keluarga Islam Penggal 217," terangnya lagi.

Objektif Sistem e-Syariah tersebut adalah selaras dengan Misi Mahkamah Syariah, iaitu "Untuk melaksanakan pengadilan, pengurusan mahkamah dan hal ehwal perkahwinan secara profesional, adil, berkesan dan sistematik berasaskan undang-undang dan hukum syarak".

Sistem e-Syariah berkenaan telah dilaksanakan secara serentak di semua daerah di Negara Brunei Darussalam bermula pada 21 Januari yang lalu dan ia boleh dilayari di [www.e-syariah.gov.bn](http://www.e-syariah.gov.bn).

## Bincang permasalahan penduduk kampung



**AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, selaku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong telah mengadakan perjumpaan bagi mendengar dan menerima pandangan serta nasihat dan permasalahan penduduk kampung.**

Berita dan Foto : Ihsan Mukim Serasa

**MUARA,** Selasa, 24 Januari. - Bagi mendengar dan menerima pandangan, nasihat serta permasalahan yang ada bagi beberapa buah kampung di bawah Mukim Serasa Muara, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, selaku Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong telah mengadakan perjumpaan bagi mendengar dan menerima pandangan serta nasihat

dan permasalahan untuk disampaikan pada Persidangan MMN yang akan datang.

Turut hadir, Penghulu Mukim Serasa, Penghulu Mukim Mentiri, ketua-ketua kampung dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Perjumpaan tersebut yang berlangsung di Bangunan Jabatan Daerah Brunei dan Muara di sini antaranya membincangkan mengenai permasalahan yang dihadapi oleh para penduduk di kawasan Zon 2 bagi Mukim Serasa

dan Mukim Mentiri serta perkara-perkara atau isu-isu yang perlu diberikan perhatian seperti pendidikan, pembangunan, infrastruktur, ekonomi, isu sosial dan kemasyarakatan serta pengangguran dan kemiskinan.

Antara objektif utama perjumpaan berkenaan ialah bagi membincangkan dan melahirkan idea dalam usaha untuk mendapatkan maklumat dan pandangan yang boleh memberikan sumbangan ke arah meningkatkan kemajuan mukim, kampung dan negara.



**KETUA Pendaftar Mahkamah-Mahkamah Syariah, Awang Haji Hassan bin Haji Metali ketika ditemui bual oleh Pelita Brunei.**

## IHP Disember menurun berbanding November 2016

Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 24 Januari. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Disember 2016 menurun sebanyak 0.3 peratus berbanding bulan November 2016. Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan Indeks Bukan Makanan masing-masing menurun sebanyak 0.2 peratus dan 0.3 peratus.

Penurunan indeks keseluruhan bagi bulan Disember 2016 adalah disebabkan oleh penurunan

harga Pakaian dan Kasut (11.6 peratus) diikuti oleh Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (2.2 peratus) dan Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (1.2 peratus).

Indeks yang mencatatkan peningkatan pada bulan ini adalah Pengangkutan (2.1 peratus) dan Rekreasi dan Budaya (2.0 peratus). Peningkatan ini adalah berikutan kenaikan harga terutamanya bagi kereta, pengangkutan penumpang melalui udara, pakej percutian / umrah, komputer dan aksesori komputer.

Manakala Indeks Pendidikan tidak mencatatkan sebarang perubahan berbanding bulan sebelumnya. Perbandingan tahun ke tahun (Disember 2016 berbanding Disember 2015) menunjukkan IHP

telah menurun sebanyak 1.6 peratus. Manakala bagi keseluruhan tahun 2016, IHP secara purata mencatatkan kadar inflasi sebanyak -0.7 peratus.

IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Disember dan Tahunan 2016 boleh didapati melalui laman sesawang JPKE : [www.depd.gov.bn](http://www.depd.gov.bn).

# Pemenang Minda Pembaca!



## Peranan ibu bapa kawal anak-anak guna internet

**KEMUNCULAN** teknologi canggih masa kini membawa banyak perubahan kepada kehidupan manusia. Dengan adanya bantuan daripada teknologi-teknologi canggih dan moden dapat memudahkan kita melakukan sesuatu pekerjaan, menjimatkan wang dan tenaga. Salah satu teknologi canggih dan moden seperti komputer telah memberi banyak pengaruh kepada semua lapisan masyarakat terutama generasi muda kerana generasi sekarang dinamakan generasi IT. Walaupun peranan komputer amat penting,

akan tetapi pada masa yang sama memberikan kesan yang tidak baik kepada penggunaannya jika salah guna, dan hal ini menjadi satu cabaran terutama kepada ibu bapa.

Kepandaian atau kemahiran menggunakan komputer adalah sesuatu yang baik, tetapi ia akan menjadi sesuatu yang memudaratkan jika kemahiran itu disalahgunakan atau bagi tujuan lain. Dunia siber yang berhubung dengan dunia internet memberi pelbagai jangkauan dunia maya, seseorang itu hanya perlu menaip apa saja

yang ingin dicari dan akan memperolehi pelbagai maklumat yang diberikan. Kini dunia siber tidak hanya bergantung kepada penggunaan komputer, tetapi boleh dicapai melalui telefon bimbit, alat-alat tablet dan sebagainya. Maka dengan itu lebih memudahkan penggunaannya untuk melayari internet bila-bila masa sahaja tidak mengira masa, tempat dan waktu.

Oleh kerana melayari internet dan dunia siber semakin berleluasa, kesannya juga amat membimbangkan. Hal ini menjadi satu cabaran kepada ibu bapa terutama anak-anak yang banyak meluangkan masanya kepada dunia siber. Oleh yang demikian, ibu bapa perlulah mendidik anak-anak agar tidak salah guna kemudahan ini. Hal ini kerana dunia siber banyak menawarkan bahan informasi yang tidak berguna yang boleh mempengaruhi minda anak-anak. Selain itu, dunia siber

juga mempromosikan permainan-permainan dalam internet yang bermacam ragam yang berunsur keganasan, perjudian, lucuk dan seumpamanya. Semua ini pastilah memberikan kesan yang tidak baik yang boleh meruntuhkan akhlak dan peribadi seseorang. Kesan daripada dunia siber banyak mengubah bentuk sosialisasi anak-anak zaman sekarang kerana mereka tidak kerap bergaul dengan masyarakat di sekelilingnya. Oleh itu, para ibu bapa hendaklah bijak mengawal anak-anak mereka semasa melayari internet dan sebagainya agar tidak disalahgunakan.

**Nama : Rohana binti Haji Tajudin**  
**No. K/P : 01-080325 (K)**  
**Alamat : Kampung Bolkiah 'A', Jeti 2**  
**Jambatan 4-8, BK1125, Negara Brunei Darussalam.**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Manfaat Kesihatan Dalam Berbasikal'. Tarikh Tutup : 25 Januari 2017
2. 'Bandarku Ceria, Bandarku Bersih'. Tarikh Tutup : 1 Februari 2017
3. 'Terapkan Semangat Patriotisme Dalam Diri Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 8 Februari 2017

### Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui

E-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND75.00.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

# Galakkan kerjasama pertukaran tenaga pakar

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUNGKU LINK**, Isnin, 23 Januari. - Telekom Brunei Berhad (TelBru) menjadi satu lagi mercu tanda dalam menetapkan kadar pendidikan ICT di negara ini dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Teknologi Brunei (UTB), iaitu salah satu daripada institusi pengajian tinggi bagi menetapkan asas pembangunan ICT terkemuka di negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan pembentukan perkongsian di antara TelBru dan UTB yang bakal membentuk kerjasama dalam tempoh masa lima tahun, Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Menandatangani bagi pihak TelBru ialah Ketua Pegawai Eksekutif, David Kay dan disaksikan oleh Ketua Sumber Tenaga Manusia TelBru, Dayangku Surayani binti Pengiran Haji Tajuddin, manakala UTB diwakili oleh Penolong Naib Canselor UTB (Akademik), Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh dan disaksikan oleh Pengarah UTB, Industri Perhubungan Pejabat, Jennifer Voon Nyuk Hiong.

Terlebih dahulu dalam ucapan yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, David Kay antara lain merakamkan setinggi penghargaan

ke semua fakulti serta ahli kakitangan UTB dan TelBru yang telah bekerja bersungguh-sungguh untuk menjadikan MoU tersebut satu yang pasti.

Beliau tidak ragu-ragu mengenai manfaat besar yang akan diraih daripada hasil perkongsian yang boleh merangsang persekitaran akademik dengan memperkaya pengajaran dan pembelajaran di universiti berkenaan yang merupakan hasil dari kerjasama kedua-dua belah pihak.

Penolong Naib Canselor UTB (Akademik), Dr. Hajah Noor Maya dalam ucapannya pula menyatakan MoU tersebut adalah sebagai rangka kerja umum untuk penubuhan penyampaian program akademik, berkaitan dengan Kejuruteraan Telekomunikasi dan Teknologi Komunikasi Inf.

"Kerjasama ini juga terus menggalakkan dalam pertukaran tenaga kepakaran yang berkaitan seperti mempromosi kerjasama dalam pertukaran kakitangan, pembangunan dan penyampaian berasaskan industri program teknikal dalam Kejuruteraan Telekomunikasi dan industri ICT serta perkongsian maklumat juga bahan-bahan pendidikan," ujarnya.

Kerjasama itu antara lain termasuk perkembangan dan penyampaian

program-program akademik serta industri berasaskan program-program teknikal yang berkaitan dengan industri kejuruteraan telekomunikasi serta ICT juga menjalankan projek penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan Kejuruteraan telekomunikasi serta ICT selain berkongsi maklumat dan bahan-bahan pendidikan, Program Pertukaran kakitangan juga penempatan pelajar bagi meraih pengalaman bekerja.

Satu projek penyelidikan yang sedang dijalankan di antara TelBru dan UTB adalah di bidang Internet of Things (IOT) serta aplikasi pintar, khususnya menggunakan teknologi LoRA / IOT.

Di samping itu, MoU tersebut merangkul peluang penajaan kepada calon yang berkelayakan untuk kemasukan ke program di bawah TelBru.

Di bawah MoU ini, TelBru akan menjalankan beberapa tanggungjawab termasuk membuat penyediaan sumber, kepakaran dan kemudahan untuk program akademik; latihan *on-the-job* serta menyediakan bantuan juga sokongan untuk projek tahun akhir pelajar-pelajar terpilih seperti yang diselaraskan oleh pihak universiti.

TelBru menaja beberapa program lain yang berkaliber dengan menawarkan peluang penajaan kepada pelajar-pelajar universiti dengan tujuan untuk diperkenalkan kepada pencari kerja khususnya.

Dengan memberi sokongan kepada



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Profesor Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian di antara Ketua Pegawai Eksekutif TelBru, David Kay (kanan) dengan Penolong Naib Canselor UTB (Akademik), Dr. Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh (kiri).

generasi muda di negara ini, TelBru berhasrat untuk memudahkan pembangunan modal insan sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat syarikat yang selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Inisiatif ini juga adalah sebagai

usaha untuk membangunkan bakat dalam industri telekomunikasi dengan mencungkil bakat pelajar yang ada dalam persekitaran kerja yang sebenar, menyiapkan mereka untuk bekerja dan memberikan mereka peluang untuk mengaplikasikan teori ke amalan.

# Kewajipan 'mengetahui masuk waktu' dalam syarat sah sembahyang

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

**S**ERINGKALI kita mendengar apabila seseorang hendak mendirikan sembahyang, dia akan bertanya, sama ada pada dirinya sendiri ataupun dia meminta kepastian daripada orang lain mengenai petanda masuk waktu sembahyang seperti: "Adakah waktu sembahyang telah masuk ataupun belum?" ataupun "Adakah azan sudah dilaungkan?" ataupun pertanyaan seumpama keduanya. Pertanyaan seumpama ini adalah sangat bertepatan dengan salah satu syarat sah sembahyang, iaitu mengetahui masuk waktu sembahyang.

Bagaimanapun kadangkala sesetengah orang kurang menitikberatkan tuntutan ini disebabkan dia lupa bahawa ia merupakan satu tuntutan, yakni sebagai syarat sah sembahyang, ataupun dalam keadaan tertentu tiada keupayaannya untuk mengetahui waktu sembahyang sudah masuk ataupun belum, ataupun disebabkan kelalaiannya semata-mata kurang menghiraukan syarat sah sembahyang ini.

Oleh itu, untuk memastikan syarat sembahyang ini dipenuhi, adalah menjadi satu keutamaan bagi setiap orang untuk mengetahui petanda masuk waktu bagi setiap sembahyang fardu.

## Kewajipan Mengetahui Masuk Waktu Sembahyang

Disyaratkan ke atas orang yang hendak mendirikan sembahyang itu hendaklah dia terlebih dahulu mengetahui dan memastikan bahawa waktu sembahyang fardu telah pun masuk dan tidak memadai sembahyang fardu itu didirikannya semata-mata bertepatan pada waktunya yang telah dikhususkan.

Oleh yang demikian, seorang yang terus sahaja mendirikan sembahyang tanpa mengetahui masuk waktu, sedangkan dia berupaya untuk mengetahuinya, maka hukum sembahyang yang dikerjakannya itu adalah tidak sah, sungguhpun pada hakikatnya waktu sembahyang telah pun masuk dan sembahyang tersebut didirikan kebetulan bertepatan di dalam waktunya.

Sembahyang dalam keadaan seperti ini dihukumkan tidak sah kerana kecuaiannya untuk mengetahui (memeriksa terlebih dahulu) masuk waktu sembahyang. Perkara ini telah disebutkan oleh as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* sepertimana berikut:

**Ertinya:** "(Dan yang keempatnya (daripada syarat-syarat sah sembahyang): Mengetahui masuk waktu (sembahyang), sama ada (pengetahuan) secara yakin ataupun zhann (sangkaan). Maka sesiapa yang sembahyang tanpanya (mengetahui masuk waktu) tidak sah sembahyangnya itu dan sekalipun sembahyangnya itu berlaku bertepatan

(berada) dalam waktu."

**Tanda-Tanda Masuk Waktu Sembahyang**  
Setiap sembahyang fardu mempunyai waktunya yang tertentu dan disyaratkan bahawa setiap sembahyang fardu tersebut hendaklah didirikan di dalam lingkungan atau batas waktunya yang telah dikhususkan itu. Perkara ini berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala:

**Tafsirnya:** "Sungguhnyanya sembahyang itu adalah satu kewajipan ke atas orang-orang yang beriman yang ditentukan waktunya."  
(Surah an-Nisa: 103)

Sungguhpun ayat-ayat Al-Quran tidak menyatakan batas dan tempoh setiap waktu sembahyang secara terperinci atau menggambarkan batas bermula dan berakhirnya waktu sembahyang tersebut dengan tanda, alamat atau ciri-ciri yang terperinci (tepat), akan tetapi dalam perkara ini, hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berperanan sebagai panduan ataupun dasar kepada penentuan waktu-waktu sembahyang yang menjelaskan sifat (ciri-ciri) setiap daripada waktu-waktu sembahyang tersebut.

## Panduan Dan Cara Mengetahui Masuk Waktu Sembahyang

Antara panduan dan cara untuk mengetahui masuk waktu sembahyang sepertimana berikut:

### 1. Waktu Sembahyang

Secara ringkas, tanda-tanda masuknya waktu sembahyang itu adalah seperti berikut:

a. Waktu Zuhur dengan wujudnya bayang-bayang sesuatu benda setelah tergelincirnya matahari ke arah Barat.

b. Waktu Asar apabila bayang-bayang sesuatu benda menjadi sama panjangnya dengan benda itu sendiri.

c. Waktu Maghrib dengan terbenamnya matahari, atau dengan nyatanya kegelapan malam dari arah Timur.

d. Waktu Isyak dengan hilangnya cahaya merah (saki baki kesan cahaya matahari yang timbul ketika terbenam).

e. Waktu Subuh dengan terlihatnya fajar *sadiq*.

Seorang yang celik yang menyaksikan sendiri dan berkata: "Aku melihat fajar telah terbit" atau "Aku melihat matahari telah tergelincir" atau "Aku melihat bayang-bayang sesuatu benda itu menyamai sukutannya (benda itu) sendiri" atau "Aku melihat matahari telah terbenam atau *syafiq* mega merah telah hilang" dikatakan sebagai seorang yang mengetahui waktu-waktu sembahyang secara yakin.

### 2. Laungan Azan

Laungan azan juga merupakan salah satu panduan atau petunjuk masuk waktu sembahyang. Secara ringkas, antara syarat azan ialah hendaklah azan itu dilaungkan ketika masuk waktu sembahyang fardu kecuali pada waktu Sembahyang Subuh. Ini kerana laungan azan adalah untuk memaklumkan atau memberitahu bahawa waktu sembahyang telah pun masuk. Menurut kesepakatan ulama adalah tidak sah dan tidak boleh azan dilaungkan sebelum waktunya

kerana akan menyebabkan kekeliruan atau salah faham.

Menurut pendapat *al-ashah* (yang lebih sahih), azan yang dilaungkan oleh *mu'azzin* yang dipercayai yang arif mengenai waktu-waktu sembahyang adalah harus dijadikan sebagai petunjuk bahawa waktu sembahyang sudah masuk, sama ada bagi orang yang celik atau orang yang buta, sama ada pada ketika hari yang cerah ataupun ketika pada hari yang berawan. Inilah juga pendapat sebagaimana yang dinukilkan dari nas Imam asy-Syafi'ie *Rahimahullah*. Menurut al-Bandaniji *Rahimahullah*, mudah-mudahan pendapat ini merupakan kesepakatan (*ijmak*) ulama. Ini kerana sesungguhnya *mu'azzin* itu pada adat kebiasaannya tidak melauangkan azan melainkan kerana masuk waktu.

Demikian juga azan yang telah dirakam atau direkod lalu disiarkan melalui radio dan televisyen yang memberi panduan kepada kaum muslimin mengenai masuk waktu sembahyang fardu bagi sesebuah daerah atau lokasi, maka harus bagi orang yang berada di daerah atau lokasi tersebut yang mendengarkannya untuk mendirikan sembahyang berdasarkan rakaman azan tersebut.

### 3. Waktu-Waktu Dan Alat-alat Yang Dimaklumi

Selain itu, antara panduan dan cara untuk mengetahui waktu-waktu sembahyang termasuklah juga dengan berpandukan maklumat atau jadual waktu-waktu sembahyang yang telah ditentukan dan disusun oleh ulama dan para ilmuwan yang pakar dan sangat berpengalaman berdasarkan pengiraan yang tepat menggunakan peralatan seperti alat dan jam falak (astronomi).


Seandainya seseorang itu mengetahui masuk waktu sembahyang secara yakin dan dalam masa yang sama boleh menggunakan khabar orang yang dipercayai berdasarkan pengetahuan, umpamanya azan *mu'azzin* yang dipercayai pada hari yang cerah, adalah harus baginya untuk memilih sama ada untuk menggunakan ilmu pengetahuan yang dimilikinya sendiri (secara yakin) ataupun laungan azan *mu'azzin* sebagai panduan masuk waktu sembahyang. Ini kerana kedua-dua perkara ini adalah dalam peringkat pertama mengetahui masuk waktu sembahyang dan pada martabat yang sama.

### Syak Waktu Sembahyang Telah Masuk Atau Belum

Seorang yang syak mengenai masuk waktu sembahyang, maka dia tidak boleh mendirikan sembahyang sehinggalah dia yakin ataupun sehingga kuat sangkaannya waktu sembahyang telahpun masuk. Setelah ada keyakinan atau sangkaan kuat bahawa waktu sembahyang telah masuk, maka diharuskan baginya untuk mendirikan sembahyang. Disunatkan juga untuk mengakhirkannya atau melewatkan sedikit mendirikan sembahyang daripada masuk waktu sembahyang akan tetapi jangan sampai luput atau berlalu waktu sembahyang. Ini adalah sebagai langkah berjaga-jaga untuk menambahkan lagi tahap keyakinan mengenai masuk waktu sembahyang.

Perkara yang perlu diambil perhatian di sini adalah di zaman yang serba maju ini, telah wujud pelbagai aplikasi pada telefon bimbit, komputer riba dan sebagainya yang memberikan maklumat dan panduan mengenai waktu-waktu sembahyang. Bukan hanya setakat itu, kadang kala ia juga memberikan peringatan kepada pengguna tentang masuk waktu sembahyang, iaitu dalam bentuk laungan azan. Sebagai langkah berhati-hati, sepertimana yang dijelaskan di atas, pengguna hendaklah membuat perbandingan dan memastikan ketepatan aplikasi yang digunakannya dan tidak menjadikannya sebagai sandaran masuk waktu sembahyang secara yakin (tepat) kerana berkemungkinan terdapat perbezaan dengan waktu sebenar masuk waktu sembahyang.

**Tidak Tahu Tentang Masuk Waktu Sembahyang**



Seseorang yang tidak mengetahui masuk waktu sembahyang kerana halangan tertentu dan tiada cara baginya untuk mengetahui perkara ini, sekiranya dia menerima khabar daripada seorang yang dipercayai mengenai masuk waktu sembahyang, maka wajib diterima khabar tersebut dan dilarang dia berjihad. Antaranya adalah seperti berikut:

- Khabar daripada seorang yang dipercayai yang mengetahui akan masuk waktu sembahyang dengan pengetahuannya, iaitu seperti dia menyaksikan sendiri matahari tenggelam yang menunjukkan waktu Maghrib telah pun masuk. Bagaimanapun seorang yang bukan dianggap sebagai orang yang dipercayai, tidak boleh diambil perkhabarannya sekalipun dia seorang yang mengkhabarkan perkara yang benar.

- Khabar daripada seorang yang dipercayai yang mengabarkan sendiri laungan azan orang yang arif akan masuknya waktu ketika cuaca cerah, lalu dia (orang yang dipercayai) mengkhabarkan pula kepada orang lain mengenai azan tersebut.

Dalam perkara ini, al-Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah* berkata:

**Ertinya:** "Ya, sekiranya dia dikhabarkan oleh seorang yang dipercayai hasil daripada penyaksian (orang yang dipercayai) ataupun dia mendengar azan seorang yang adil yang arif mengenai waktu dalam keadaan hari yang cerah, hendaklah dia (orang yang tidak tahu akan masuk waktu) menerimanya dan tidak melakukan *ijtihad*. Ini kerana tiada hajat (keperluan) untuk melakukan *ijtihad* pada ketika itu dengan adanya salah satu daripada dua perkara di atas (iaitu perkhabaran orang yang dipercayai berdasarkan penyaksiannya sendiri ataupun mendengar azan seorang yang adil)."

- Khabar daripada seorang yang dipercayai yang diperolehinya daripada sumber kedua dan perkhabaran daripada sumber kedua itu adalah berdasarkan penyaksian orang kedua itu sendiri. Umpamanya dia berkata: "Si Polan telah mengkhabarkan kepadaku berdasarkan penyaksian si Polan sendiri bahawa fajar telah terbit".

Imam al-Bujairimi *Rahimahullah* dalam menerangkan maksud 'menerima khabar daripada orang yang dipercayai' tidak disempitkan semata-mata menerima atau mendapat perkhabaran sahaja, malahan jika dia boleh bertanya, maka wajib ke atasnya untuk bertanya bagi mendapatkan maklumat tentang waktu sembahyang adakah sudah masuk ataupun belum.

Dapat difahami di sini, seorang yang tidak tahu masuk waktu sembahyang, tetapi masih mempunyai peluang atau usaha untuk mengetahuinya dengan cara mencari maklumat dan bertanya kepada orang yang dipercayai, maka hendaklah dia terlebih dahulu memastikan perkara ini dan tidak terus sahaja mendirikan sembahyang.

Sebagai kesimpulan, mengetahui masuk waktu sembahyang adalah antara syarat sah sembahyang. Seseorang yang hendak mengerjakan sembahyang mesti mengetahui dan memastikan bahawa waktu telah pun masuk sebelum dia memulakan sembahyangnya. Sembahyang yang didirikan tanpa mengetahui atau tanpa menghiraukan syarat ini adalah tidak sah sekalipun sembahyang yang telah didirikan itu kebetulan bertepatan dalam waktu sembahyang. Bagaimanapun jika timbul syak mengenai ketepatan masuk waktu sembahyang, disunatkan untuknya mengakhirkannya atau melewatkan sedikit mendirikan sembahyang, akan tetapi jangan sampai luput atau berlalu waktu sembahyang tersebut.

**LAUNGAN azan juga merupakan salah satu panduan atau petunjuk masuk waktu sembahyang. Secara ringkas, antara syarat azan ialah hendaklah azan itu dilaungkan ketika masuk waktu sembahyang fardu kecuali pada waktu Sembahyang Subuh. Ini kerana laungan azan adalah untuk memaklumkan atau memberitahu bahawa waktu sembahyang telah pun masuk.**

# Ramah mesra tingkatkan keyakinan pelancong



AWANG Haji Alirahman bin Haji Sulaiman dari RPN Kampung Mengkubau.



FOO Lee Chin semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.



AWANG Muhammad Izzuddin bin Jeffree dari Perpindahan Kampung Lambak Kanan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Januari. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) memberi amaran akan mengambil tindakan keras terhadap pengendali teksi haram di negara ini

dan ia merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan kompaun terhadap pesalah.

Sistem Teksi Bermeter yang dilancarkan pada 23 September tahun lalu, menandakan terdapat peningkatan terhadap keyakinan orang awam selepas tambang dan perkhidmatan teksi dikawal.

Pelita Brunei sempat menemu bual

beberapa orang ramai mengenai pengendali teksi haram. Salah seorang dari penduduk RPN Kampung Mengkubau, Awang Haji Alirahman bin Haji Sulaiman menjelaskan, teksi haram ini memang sukar untuk dibendung dan ia berlaku di mana-mana.

Menurutnya, jika dibiarkan teksi haram ini berleluasa mungkin akan menjejaskan ekonomi para pemandu teksi yang sah, yang mempunyai lesen dan perlu mengikuti peraturan yang sah dan teksi haram tidak menggunakan sistem peraturan yang sah.

"Para pengguna perlu mengambil kesedaran agar tidak memilih teksi haram dan pihak kerajaan perlu mengambil tindakan yang sewajarnya agar tidak berleluasa," jelasnya.

Manakala bagi Foo Lee Chin pula berpendapat, teksi haram begitu mendapat sambutan kerana ia memberikan harga yang murah berbanding dengan teksi yang sah.

Jelasnya, bagi pelancong atau orang ramai ia begitu murah sekali dan berharap kadar harga teksi perlu diselaraskan untuk mengelakkan daripada penglibatan teksi haram yang semakin aktif di negara ini.

Bagi Awang Muhammad Izzuddin

## Institut Sains Kesihatan perkenalkan Sarjana Perubatan bagi para doktor

Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam

**TUNGKU**, Selasa, 24 Januari. - Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah (IHS PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) sekali lagi mencatat sejarah bagi pengenalan kursus baharu, Sarjana Perubatan (MMed) untuk para doktor yang bermula pada 23 Januari 2017.

Institut Kesihatan telah dirasmikan pada bulan September 2000 (sebelum ini dikenali sebagai Institut Perubatan), di mana kursus pertama yang ditawarkan adalah Diploma Lulusan Ijazah Penjagaan Kesihatan Asasi yang kemudiannya dinaik taraf menjadi Sarjana Sains dalam penjagaan kesihatan asas.

Ia telah ditubuhkan selaras dengan wawasan Kerajaan Negara Brunei Darussalam untuk menyediakan latihan perubatan bukan sahaja kepada pelajar-pelajar Brunei, tetapi juga kepada pelajar-pelajar dari negara lain di rantau ini seperti yang dinyatakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah pada Majlis Konvokesyen UBD Ke-12.

Selain itu, IHS PAPRSB kini menawarkan pengajian ijazah pertama dalam bidang Sains Bioperubatan, Perubatan, Kejururawatan dan Farmasi, dengan kursus lepasan ijazah dalam Kesihatan Awam dan Sains Bioperubatan.

Objektif IHS PAPRSB adalah untuk melahirkan graduan yang mempunyai daya analisis dan metodologi, dengan kemahiran menyesuaikan diri yang didorong oleh pandangan positif bahawa mereka perlu belajar sepanjang hayat.

Pendedahan awal pelajar pada senario klinikal dan makmal menambah pada pengalaman mereka dalam teras klinikal, bioperubatan dan disiplin saintifik. Institut ini berusaha untuk memupuk kerjasama dan komunikasi inter-profesional yang penting bagi mencapai dan mengekalkan kualiti yang tinggi, penjagaan kesihatan yang berkesan.

Program Sarjana Perubatan ini adalah satu program latihan berstruktur, bertauliah dan diiktiraf untuk para doktor. Latihan tempatan yang komprehensif dan berkualiti tinggi di UBD berjalan serentak dengan latihan klinikal di negara ini.

Ini adalah sebahagian daripada pembangunan kerjaya dan profesional kedokteran yang membawa pada latihan khusus lebih tinggi dan seterusnya memperolehi jawatan perunding (*consultancy post*) pada masa hadapan.

Kohort pertama seramai 15 doktor berlainan kepakaran, iaitu penjagaan kesihatan asasi, perubatan dalaman umum, pakar psikiatri, pediatrik, perubatan kecemasan, pembedahan dan perubatan penjagaan kritikal. Kursus ini merupakan latihan formal bidang kedokteran di Brunei Darussalam.

IHS PAPRSB juga menjadi tuan rumah bagi Peperiksaan Keahlian Antarabangsa Royal College of General Practitioners (MRCGP Int.) dan Peperiksaan Joint Royal Colleges of Surgeons PACES.

bin Jeffree dari Perpindahan Kampung Lambak Kanan berkata, teksi haram di negara ini perlu dibendung pada peringkat awal kerana jika terlambat ia akan merosakkan perkhidmatan teksi yang sah di negara ini.

Katanya, pengendali teksi di negara

ini perlu mengamalkan sikap ramah mesra kepada pelancong bagi meningkatkan keyakinan para pelancong dan orang ramai seperti teksi-teksi yang ada di luar negara yang begitu ramah mesra bersama pelanggannya.



SALAH sebuah tempat teksi yang disediakan di ibu negara.

# Ghibah (mengumpat) wajib dihindari

**G**HIBAH atau mengumpat adalah menceritakan keburukan atau kekurangan seseorang kepada orang lain. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Dari Abu Hurairah Radhiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda : "Tahukah engkau apa itu ghibah?" Mereka menjawab, "Allah dan Rasul-Nya yang lebih tahu." Baginda berkata, "Engkau menyebutkan keburukan saudaramu yang ia tidak suka untuk didengarkan orang lain." Baginda ditanya, "Bagaimana jika yang disebutkan itu benar sesuai kenyataan?" Jawab Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, "Jika sesuai kenyataan bererti engkau telah mengghibahnya. Jika tidak sesuai, bererti engkau telah memfitnahnya."

Hukum ghibah sepertimana yang disepakati para ulama adalah haram. Ghibah atau mengumpat diumpamakan seperti memakan daging orang yang telah mati, ini berdasarkan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Hujuraat, ayat 12, tafsirnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! jauhilah kebanyakan prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah.

Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Pengasih."

Perbuatan ghibah atau mengumpat ini dianggap sebagai satu dosa kerana ia dianggap sebagai satu sifat yang suka mencela dan mengejek kerana rasa iri hati, bongkak, sombong dan memandang rendah kepada orang lain. Ia juga dianggap sebagai menyerang peribadi dan kehormatan seseorang. Imam asy-Syaukani menjelaskan bahawa kehormatan seseorang itu adalah sama dan diibaratkan seperti dagingnya sendiri. Sedangkan daging seorang manusia itu adalah haram untuk dimakan, begitu juga dengan kehormatannya yang juga tidak boleh dilanggar. Kerana itulah, Imam asy-Syaukani menyarankan agar manusia terutamanya umat Islam menjauhi ghibah atau mengumpat kerana dosa ghibah itu adalah umpama dosa orang yang memakan daging atau bangkai manusia. Justeru itu, apabila sesuatu yang haram itu terus dimakan maka ia akan menjurus kepada dosa besar.

Disebabkan perkara ghibah atau mengumpat ini secara sadar atau tanpa disadari sudah terlalu biasa dilakukan, maka segelintir daripada kita tidak lagi merasakan ia sebagai satu perbuatan dosa. Hakikat inilah yang perlu direnungkan oleh semua. Justeru itu, umat Islam adalah wajib berusaha mengelakkan diri daripada perbuatan ghibah ini dengan memperbanyakkan zikir. Imam al-Ghazali menyarankan beberapa perkara untuk menghentikan sikap suka mengumpat ini, antaranya ialah;

i. Harus sadar dan insaf mengumpat dan memburuk-burukkan orang lain itu berdosa besar;

ii. Sadar dan membetulkan kesalahan sendiri daripada menyalahkan orang;

iii. Hendaklah berasa malu apabila memperli kecacatan orang lain. Ini kerana mencela kecacatan fizikal seolah-olah mencera Tuhan yang menciptakan.

Namun, dalam beberapa keadaan, terdapat enam keadaan yang dibolehkan ghibah atau membuka aib. Imam an-Nawawi dalam Syarah Muslim menjelaskan iaitu ketika:

1. Apabila mengadukan perbuatan zalim atau perbuatan jahat orang lain kepada pihak yang berkuasa.

2. Apabila meminta tolong agar dihilangkan dari suatu perbuatan mungkar dan untuk membuat orang yang berbuat kemungkaran tersebut kembali kepada jalan yang benar.

3. Apabila meminta fatwa (nasihat hukum) daripada seorang mufti. Misalnya, seseorang bertanya kepada mufti : "Saudara kandungku telah menzalimiku demikian dan demikian. Bagaimana caranya aku lepas dari kezaliman yang ia lakukan?"

4. Ketika mengingatkan kaum Muslimin terhadap satu keburukan seperti mengungkap kekurangan hafalan seorang perawi hadis.

5. Apabila membicarakan orang yang terang-terangan berbuat maksiat dan bid'ah terhadap maksiat atau bid'ah yang ia lakukan, bukan pada masalah lainnya.



6. Menyebut orang lain dengan sebutan yang ia sudah ma'ruf dengannya seperti menyebutnya si buta. Namun, jika ada ucapan yang bagus, itu lebih baik.

Oleh yang demikian, orang yang beriman dan tinggi akhlak itu selalunya bercakap hal yang baik saja, tidak menyakiti hati orang lain, tidak mengumpat dan tidak mengucapkan perkataan kotor. Inilah antara ciri-ciri orang yang beriman di mana dia tidak bercakap perkara yang sia-sia dan tidak berfaedah. Mereka mengawal lidah sebaik-baiknya daripada perkara batil dan dilarang Islam. Manakala orang yang binasa sentiasa melakukan perkara mungkar, maksiat dan tidak mengawal lidahnya dengan baik. Sekiranya percakapan yang kita ucapkan boleh menyebabkan orang lain sakit hati atau terguris, ia boleh mendatangkan keburukan kepada kita.

Apa yang lebih baik, kita sibukkan diri dengan memuhasabah diri dan memperbaiki kelemahan diri sendiri. Seorang penyair pernah berkata : "Perhatikanlah dirimu dan periksa kelemahannya : biarkanlah kekurangan manusia itu diurus oleh mereka." Semoga kita tergolong bersama orang-orang yang sentiasa meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan sentiasa menjaga pertuturan sesama hamba-Nya.



# Tingkatkan kesedaran mengenai HIV / AIDS

Oleh : Hadiwansuaikalman Haji Mohd. Diah  
Mahasiswa UBD ditempatkan di Meja Kandungan Khas, Pelita Brunei  
Foto : Majlis AIDS Brunei Darussalam

Pertubuhan ini juga ada mengadakan program untuk belia-belia seperti program HIV Awareness Program for Peers and Youth (HAPPY), iaitu program mengenai dengan memberi maklumat penting berkenaan dengan HIV / AIDS, mereka juga mengadakan latihan kemahiran hidup (LESTARI), iaitu aktiviti untuk meningkatkan kemahiran seseorang belia dalam menghadapi apa jua cabaran yang mereka akan hadapi pada masa depan dalam kehidupan mereka, manakala Latihan Team Building dan Kepimpinan Belia (TTYL), iaitu program untuk melatih belia menjadi pemimpin kepada masyarakat kerana pada masa hadapan belia kita yang akan meneruskan bangsa kita dan juga Program RED (Re-educate, Empower, Destigmatise) Leaflet Trail 2017, iaitu berkenaan dengan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai HIV / AIDS dan mendidik untuk mengurangkan stigma mengenai HIV / AIDS dengan melibatkan orang ramai.

Pada tahun 1986, penyakit HIV / AIDS pertama kali dikesan di Negara Brunei Darussalam. Sejak itu, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan 172 kes HIV yang dilaporkan. Sejak tiga tahun yang lalu rekod menunjukkan ada peningkatan dari setahun ke setahun dalam kes HIV, iaitu pada tahun 2014 terdapat 17 kes, manakala pada tahun 2015, terdapat 28 kes dan pada tahun 2016, terdapat 34 kes yang direkodkan.

Human Immunodeficiency Virus (HIV) ataupun dikenali juga sebagai Acquired Immune Deficiency Syndromes (AIDS) adalah sesuatu penyakit virus yang menurunkan sistem pertahanan badan kita apabila terkena. Transfusi darah dari penghidap HIV ialah melakukan yang memungkinkan pemindahan darah berlaku, mempunyai risiko yang tinggi mengakibatkan jangkitan HIV / AIDS. Aktiviti seperti acupuncture, peralatan tindik telinga dan sebagainya, mempunyai risiko berlakunya kecederaan. Virus HIV akan berpeluang memasuki badan kita melalui luka anda walaupun luka sedikit sahaja.

Yang kedua, ibu mengandung yang menghidap HIV / AIDS memberi kesan kepada anak dalam kandungan. Ini adalah kerana dalam tempoh kehamilan, apabila si ibu mengandung dan dijangkiti HIV ini juga akan boleh menjangkitkan anak mereka. Ibu yang

menghidap HIV / AIDS juga mungkin menjangkiti HIV kepada anak damit semasa bersalin ataupun semasa penyusuan.

Ketiga, jarum suntikan yang telah diguna oleh penghidap HIV / AIDS. Ini kerap berlaku kepada individu yang sering menggunakan jarum suntikan sebagai contoh penagih dadah, mereka menggunakan atau berkongsi jarum suntikan yang telah diguna oleh penagih lain. Akibatnya, pemindahan darah berlaku dan ini menyebabkan Virus HIV memasuki badan mereka melalui jarum suntikan. Perbuatan ini sama saja sebagai menyuntik Virus HIV ke dalam badan sendiri. Berbeza dengan pusat rawatan, mereka menggunakan jarum suntikan yang baharu setiap kali dan membuang jarum suntikan yang telah digunakan sebagai pencegahan.

Keempat, melakukan hubungan kelamin lebih daripada satu orang pasangan, yang berkemungkinan menjadi sebab berjangkitnya Virus HIV melalui cecair faraj dan sperma. Kita tidak akan tahu seseorang itu dijangkiti Virus AIDS dengan cuma melihat pada zahirnya sahaja kerana mereka boleh kelihatan sihat.

Setiausaha Media dan Perhubungan Awam BDAC, Billah Hassan memberi nasihat kepada orang ramai apabila seseorang itu dijangkiti oleh HIV, ia tidak bermaksud habislah riwayat hidup mereka dan perkara stigma ini sebaiknya tidak ada pada masyarakat bahawa orang-orang yang hidup dengan HIV berhak mendapat peluang kedua. Mereka mempunyai peluang untuk memperbaiki diri mereka sendiri, menjadi ejen perubahan ke arah kehidupan positif dan berkongsi kisah-kisah mereka untuk meningkatkan kesedaran tentang HIV dan AIDS, supaya orang ramai boleh belajar dari kesilapan mereka dan melindungi diri mereka dengan mengamalkan nilai-nilai moral yang baik.

Dengan adanya BDAC maklumat mengenai HIV / AIDS akan dapat meningkatkan tahap kesedaran kepada orang ramai mengenai AIDS dan ini akan membantu masyarakat agar dapat mencegah penyakit ini daripada menular dan jikalau ada seseorang yang awda kenal menghidap HIV / AIDS berilah bantuan kepada mereka dari segi fizikal juga emosi supaya orang yang dapat menghadapinya dengan positif serta kuat semangat.

**MENURUT laman sesawang mereka, objektif mereka adalah untuk menyebarkan maklumat mengenai HIV / AIDS di Negara Brunei Darussalam, serta membantu masyarakat menangani perkara-perkara yang berkaitan dan memberikan perkhidmatan profesional jika diperlukan. Untuk mewujudkan rangkaian dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta di dalam dan luar negara termasuk kerja-kerja belia, kemasyarakatan dan sukarela secara umumnya.**

**P**ADA zaman sekarang, kita telah menghadapi timbulnya bermacam-macam penyakit baharu yang membuatkan seluruh dunia terkejut dan bimbang akan kesihatan mereka. Dengan itu, kita perlu mengambil langkah bijak untuk mencegah berlakunya penularan penyakit tersebut dan agar kita merasa selesa semasa melakukan aktiviti seharian kita dalam keadaan sihat.

Untuk permulaan, Majlis AIDS Brunei Darussalam (BDAC) yang diterajui oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad yang juga Presiden BDAC adalah pertubuhan untuk meningkatkan kesedaran mengenai HIV / AIDS di Negara Brunei Darussalam. BDAC ditubuhkan sejak tahun 2000 dan sekarang akan berusia 17 tahun pada tahun ini. Tujuan BDAC adalah untuk mendidik orang ramai mengenai isu-isu yang berkaitan dengan HIV / AIDS, seperti jangkitan kelamin, kehamilan yang tidak diingini dan isu-isu sosial.

Salah satu hasrat pertubuhan ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai HIV / AIDS kepada orang ramai dan bagaimana cara untuk mencegah penularan penyakit-penyakit ini dalam masyarakat untuk menyelamatkan nyawa seseorang pada masa kelak.

Menurut laman sesawang mereka, objektif mereka adalah untuk menyebarkan maklumat mengenai HIV / AIDS di Negara Brunei Darussalam, serta membantu masyarakat menangani perkara-perkara yang berkaitan dan memberikan perkhidmatan profesional jika diperlukan. Untuk mewujudkan rangkaian dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta di dalam dan luar negara termasuk kerja-kerja belia, kemasyarakatan dan sukarela secara umumnya.



RISALAH-risalah yang telah diagih-agihkan kepada orang ramai sempena Program RED (Re-educate, Empower, Destigmatise) Leaflet Trail 2017.

# Penyerahan poster sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**TUNGKU**, Isnin, 23 Januari. - Sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun 2017, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) mengagih-agihkan poster kepada penghulu-penghulu dan wakil jabatan dalam satu Majlis Pelancaran dan Penyerahan Poster yang berlangsung di Auditorium Ibu Pejabat Polis Gadong.

Penyerahan poster disempurnakan oleh Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam bersama Penolong Pesuruhjaya Polis, Pengiran Mohd. Jefri bin Pengiran Haji Abdul Hamid selaku Pengerusi Sambutan Hari Polis Ke-96.

Turut hadir Penolong Kanan

Pesuruhjaya Polis, Awang Mohammad Irwan bin Haji Hambali serta penghulu-penghulu mukim, pegawai-pegawai dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan serta pegawai-pegawai PDB juga jemputan khas.

Antara acara sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun 2017 ini ialah Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Doa Arwah dan Doa Selamat sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun 2017 pada 31 Disember 2016 dan Upacara Perbarisan Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun 2017 yang akan diadakan pada Februari ini.



**PESURUHJAYA** Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam (kanan) menyampaikan poster kepada Penghulu Mukim Telisai, Yang Berhormat Awang Ramli bin Haji Lahit.



**ANTARA** Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang menghadiri Majlis Pelancaran dan Penyerahan Poster sempena Sambutan Hari Polis Ke-96 Tahun 2017 yang berlangsung di Auditorium Ibu Pejabat Polis Gadong.

## HALUAN

### Sektor maritim buka peluang pelaburan, pekerjaan anak tempatan

Dari muka 2

Pemeliharaan alam sekitar maritim ini merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Perhubungan ke arah memajukan lagi sektor maritim di Negara Brunei Darussalam. Atas tujuan ini, peranan serta tanggungjawab Jabatan Laut dan Jabatan Pelabuhan sedang giat diselaraskan sebagai autoriti yang bertanggungjawab membuat perancangan-perancangan untuk lebih memperkembangluaskan sektor maritim di negara ini secara keseluruhannya.

Berlandaskan kepada kepentingan ini juga, saya sangat menghargai inisiatif Al-Hadid Marine Services yang telah dapat menyumbang kepada pembangunan modal insan di kalangan anak tempatan, dengan adanya profesional yang terlatih dan berkepakaran di syarikat ini. Saya berharap inisiatif ini akan dapat dikembangkan lagi melalui

kolaborasi bersama pelbagai pihak termasuk dari agensi-agensi kerajaan serta institusi pendidikan dan latihan di negara ini.

Seterusnya saya ingin mengambil kesempatan bagi mengalu-alukan para penceramah undangan, Mr. Abdul Malik, Chairman of Commercial Diving Association Singapore, dan Mr. Darren Brunton, Managing Director KB Associates, Singapore.

Di sini, saya percaya para peserta seminar serta pihak-pihak yang berkepentingan akan mengambil kesempatan ini untuk berinteraksi dan meneroka peluang-peluang kerjasama khususnya antara pihak penganjur, penceramah serta di kalangan para peserta dimanfaatkan dalam usaha kita ke arah memajukan sektor maritim di negara ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

## Bengkel beri kefahaman statistik asas



**PENOLONG** Pengarah Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Dr. Haji Ashri bin Haji Ahmad semasa berucap pada majlis tersebut.



**PENSYARAH** University of Southern Queensland, Toowomba, Australia, Profesor Statistik, Profesor Shahjahan Khan selaku fasilitator bengkel.

Beliau turut menjelaskan, bengkel itu adalah untuk memberi kefahaman mengenai konsep statistik asas dan kaedah-kaedah penting bagi analisis meta.

Selain itu, beliau memberitahu, ia juga bertujuan untuk menyediakan latihan-latihan praktikal mengenai topik-topik yang berkaitan dengan konsep statistik asas dan bagi memperolehi pengetahuan mengenai kaedah-kaedah analitikal meta dengan menggunakan perisian MetaXL dan penafsiran *output*.

Para peserta bengkel dibimbing oleh Profesor Statistik, Profesor Shahjahan Khan, merupakan pensyarah dari University of Southern Queensland, Toowomba, Australia.

Bengkel tersebut dianjurkan oleh JPPP, Kementerian Pendidikan.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Hamzah Mohidin

**GADONG**, Isnin, 23 Januari. - Seramai 25 orang pegawai dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan telah menyertai Bengkel 'Evidence Based Decision Making and Statistical Meta Analysis with Application' selama tiga hari bermula 23 Januari di Bilik Mesyuarat 4, Hotel Antarabangsa Rizqun.

Penolong Pengarah Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan (JPPP), Dr. Haji Ashri bin Haji Ahmad dalam ucapan alu-

aluannya berkata, jabatan berkenaan telah menjalankan penyelidikan secara konsisten untuk menyediakan maklumat yang sahih dan boleh dipercayai bagi membuat keputusan berasaskan bukti untuk menyokong penggabalan dan penyemakan dasar pendidikan.

Beliau menambah, jabatan tersebut juga akan memperkembangkan lagi kapasiti sumber manusianya secara berterusan untuk menghasilkan penyelidikan dasar yang berkualiti dan mempunyai reputasi yang baik.



**ANTARA** pegawai Kementerian Pendidikan yang menyertai Bengkel 'Evidence Based Decision Making and Statistical Meta Analysis with Application'.

# Jalin kerjasama strategik dengan institusi pengajian tinggi luar

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus bergiat aktif menjalinkan kerjasama strategik dengan institusi pengajian tinggi luar negara melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Bilad Al-Sham (BSU), Syria dalam usaha meningkatkan reputasi di arena antarabangsa.

Pada majlis penandatanganan yang berlangsung di Bilik Senat, UNISSA itu, menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, manakala bagi pihak BSU, Syria pula ditandatangani oleh Rektor Universiti berkenaan, iaitu Profesor Dr. Husameddin Farfour.

BSU adalah sebuah pengajian tinggi yang terletak di Damsyik, Syria yang telah dinaiktaraf ke universiti, di mana ia adalah institusi dari cawangan Kampus Islam Al-Fatih.

Sebelum upacara penandatanganan MoU berlangsung, Rektor UNISSA mengalu-alukan kedatangan delegasi dengan harapan penandatanganan MoU yang termeterai akan dapat menjalinkan lagi hubungan persefahaman di antara dua pihak khususnya dalam bidang akademik dan penyelidikan.



**REKTOR** Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (depan, tujuh dari kanan) dan Rektor Universiti Bilad Al-Sham, Syria, Profesor Dr. Farfour (depan, empat dari kiri) semasa bergambar ramai selepas Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman yang berlangsung di Bilik Senat, UNISSA.

Sebagai ucapan balas, Rektor BSU, Syria turut menyambut baik hasrat untuk bekerjasama dengan UNISSA.

Hadir menyaksikan penandatanganan MoU tersebut adalah Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Penolong Rektor dan pegawai-pegawai utama, UNISSA.

## Pakej Umrah mendapat sambutan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hamzah Mohidin



**KETUA** Jabatan Haji dan Umrah, Darussalam Holdings Sdn. Bhd., Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Januari. - Ketua Jabatan Haji dan Umrah, Darussalam Holdings Sdn. Bhd. (DHSB), Pengiran Haji Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar menjelaskan, DHSB sejak ditubuhkan 20 tahun yang lalu telah banyak membuat Pakej-pakej Umrah Khas bagi penduduk di negara ini.

Jelasnya, setiap tahun memang terdapat peningkatan dari segi perkhidmatan-perkhidmatan.

Tambahnya, sistem umrah juga sudah berubah mengikut pasaran pelancongan Islam sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Semasa ditemui di DHSB, Airport Mall, Berakas, beliau seterusnya menjelaskan bahawa DHSB merupakan antara syarikat pengendali haji dan umrah yang terbesar di negara ini.

Semasa menjawab mengenai Pakej-pakej Umrah yang ditawarkan kepada orang ramai, Pengiran Haji Ibrahim menjelaskan DHSB menyediakan beberapa pakej untuk pilihan orang ramai.

Katanya, terdapat tiga pakej yang ditawarkan, iaitu Pakej Zamrud, Safira dan Delima dengan harga-harga yang berbeza bagi setiap pakej yang ditawarkan.

Menurutnya, memang ketiga-tiga pakej ini berbeza dari segi perkhidmatan dan hotel katanya, yang mana perbezaan di antara tiga ini contohnya Pakej Zamrud kedudukan hotelnya lebih jauh, manakala Pakej Safira pertengahan dan Pakej Delima lebih hampir dengan Masjidil Haram.

Jelasnya, di Madinah pihak DHSB menyediakan Hotel Dallah Taibah untuk semua pakej dan di Mekah barulah mengikut pakej masing-masing, yang mana para jemaah Pakej Zamrud akan ditempatkan di Hotel Dallah Ajyad, Pakej Safira di Le Meridien dan Pakej Delima di Al-Ghufran serta hotel lain yang sebanding dengan hotel-hotel tersebut.

Selain daripada itu tambahannya, pihak DHSB juga menyediakan beberapa perkhidmatan yang mana di dalam pakej akan termasuk penginapan, pengangkutan, di samping mengerjakan beberapa aktiviti keagamaan.

Selain itu, sebagai perkhidmatan tambahan jelasnya, DHSB juga menyediakan perkhidmatan kargo bagi mengelakkan para jemaah membayar lebih di Lapangan Terbang Jeddah apabila hendak pulang ke tanah air.

Beliau seterusnya menjelaskan, pada musim cuti persekolahan bulan Mac ini, syarikat berkenaan juga telah menerima tempahan awal daripada orang ramai yang berhasrat untuk mengerjakan umrah.

Menyentuh mengenai peningkatan orang ramai yang mengikut pakej di DHSB, beliau menjelaskan, setakat ini peningkatan orang ramai dari segi kesedaran dan trend semakin bertambah mengikut pakej umrah ini khususnya di syarikat berkenaan dan pihaknya sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan Pakej Umrah dan Haji.

Mengakhiri temu bual beliau seterusnya menjelaskan, jumlah orang ramai yang berhasrat untuk mengerjakan ibadah umrah kini bertambah, yang mana beliau-belia pada masa ini juga sudah semakin bertambah mengerjakan umrah.

"Di samping mengerjakan umrah,

## Timba pengalaman melalui lawatan



**SERAMAI** 22 mahasiswa dan mahasiswi Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali mengikuti lawatan ilmiah ke Malaysia yang dikendalikan oleh Persatuan Mahasiswa juga Mahasiswi Syariah dan Undang-Undang.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Januari. - Seramai 22 mahasiswa juga mahasiswi dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ikut serta mengambil bahagian dalam lawatan ilmiah ke Malaysia yang dikendalikan oleh Persatuan Mahasiswa juga Mahasiswi Syariah dan Undang-Undang (SHALAWSOC).

Turut mengiringi lawatan tersebut ialah dua orang pensyarah universiti termasuk Dekan FSU, Dr. Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin selaku ketua rombongan dan Dayang Norasiah binti Haji Amai.

Lawatan itu berlangsung selama seminggu bermula 22 hingga 28 Januari 2017.

Delegasi UNISSA kali ini akan membuat lawatan rasmi ke beberapa buah universiti termasuklah Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu; Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan; Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor dan Kolej Islam Antarabangsa Malaysia, Selangor.

Antara objektif yang ingin dicapai dalam lawatan berkenaan bagi memberi peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi UNISSA untuk berkongsi pendapat serta bertukar

pandangan dengan universiti yang dikunjungi.

Selain itu, mahasiswa dan mahasiswi juga dapat menimba ilmu pengetahuan dengan melawat ke tempat-tempat berkaitan dengan SHALAWSOC.

Di samping itu, universiti-universiti yang berkenaan dapat memperkukuhkan lagi jaringan yang sedia ada dengan UNISSA sambil membincangkan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan bersama di masa yang akan datang.

Pada akhir lawatan ilmiah itu nanti, mahasiswa dan mahasiswi diharap akan dapat mempelajari sendiri mengenai pengurusan sesebuah persatuan yang berkaitan dengan SHALAWSOC dengan lebih teratur dan teliti.



**KAUNTER** Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

para jemaah pada waktu yang sama juga berpeluang melancong dan dibawa ke tempat-tempat yang

menarik dan bersejarah. Tempat-tempat menarik seperti menziarahi Makam Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam, ziarah tempat-tempat bersejarah di Kota Madinah dan Mekah."



## IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

### PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 08/01/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 25 JANUARI 2017  
TARIKH TUTUP: 08 FEBRUARI 2017

**1. PEMBANTU TEKNIK KANAN**  
C.2 EB.3  
BAHAGIAN III  
JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
KEKOSONGAN: 17

**2. PENOLONG PEGAWAI**  
PERPUSTAKAAN TINGKAT II  
C.1-2 EB.3  
BAHAGIAN III  
JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
KEKOSONGAN: 01

**3. TUKANG PELAN**  
D.1-2-3 EB.4-5  
BAHAGIAN IV  
JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
KEKOSONGAN: 01

### UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

### HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



### JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tawaran secara sebuitharga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.

No.	Description	Quantity
1.	Supply, installation and Delivery of 10G Module and SFP+ for Floor Uplink	1 Lot
2.	Supply and Delivery of A3 Scanner	1 unit

Dokumen Sebuitharga boleh diperolehi di Tingkat 2, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Sebuitharga hendaklah dihantar dalam sampul surat yang berasingan mengikut bilangan sebuitharga yang disertai. Sampul surat berkenaan hendaklah tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda syarikat dan bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis bilangan sebuitharga dan tajuk Kerja-Kerja yang disertai.

Sebuitharga hendaklah dihadapkan tidak lewat dari jam **2.00 petang pada hari Khamis, 9 Februari 2017** kepada alamat berikut:

**Pengerusi Jawatankuasa Sebuitharga**  
Tingkat 2, Jabatan Perancang Bandar dan Desa  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas BB3510,  
Negara Brunei Darussalam

Sebuitharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

### PERMOHONAN BAGI PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK BAGI TAHUN 2017

BAHAGIAN Pendidikan Lanjutan dan Latihan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE CET) telah membukakan permohonan bagi mengikuti Program Peningkatan Akademik 2017.

Borang Permohonan Program Peningkatan Akademik Peringkat 'O' Level dan 'A' Level, boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran IBTE CET semasa waktu pejabat dibuka mulai dari **18 hingga 31 Januari 2017**.

Tarikh tutup mengembalikan borang permohonan ialah pada **Selasa, 31 Januari 2017, pukul 4.00 Petang**.



### MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

#### DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS TUTONG

SURAT KUASA PUSAKA : T/LA/49/2016

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MUHAMMAD HISHAM BIN HAJI HASHIM** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI HASHIM BIN TALIP** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH TUTONG** pada **2 FEBRUARI 2017, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TUTONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 12 Januari 2017.

**(DK. NORAFIDAH BINTI PG. HAJI BUNGSU)**  
B/p. Timbalan Pegawai Waris Tutong  
Negara Brunei Darussalam.



**BAHAGIAN KHIDMAT BAKTI NEGARA (BKBN)  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**KENYATAAN TAWARAN**

**BILANGAN TAWARAN :  
15/DISEMBER/2016/1.40/16 (R)**

**PERKHIDMATAN PENGHANTARAN  
DAN PENYEWAAN KERETA 'BUGGY'  
8. Syarikat yang berjaya juga dikehendaki untuk membayar **SEWA BULANAN PADA TIAP AWAL BULAN**, iaitu tidak lewat dari 7 haribulan pada tiap-tiap bulan. Jika sewa tidak dibayar dua (2) bulan berturut-turut, maka perjanjian akan dibatalkan.

9. Penyediaan *vending machine* dan keperluan-keperluan lain adalah di bawah tanggungan syarikat itu sendiri.

10. Perkhidmatan fotokopi ini adalah bagi keperluan orang ramai yang berurusan di Jabatan Buruh.

11. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, syarikat-syarikat yang berminat untuk mengikuti tawaran ini bolehlah menghubungi pegawai berikut :

**Nama : Awang Azrin bin Haji Salleh  
Jawatan : Penyelia Pejabat  
No. Telefon : +673 2383006  
sambungan 5110**

12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima mana-mana tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



**MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN**

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI  
WARIS BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :  
LA/291/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh HANIFU NORHAFIZAH BINTI MOHD. SALLEH kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh SARI BINTI HAJI SIAU yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 27 DISEMBER 2016, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 15 Disember 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
LA/395/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh BAREK MIAH kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh RIDOY MIAH yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah BAPA kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 17 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
LA/391/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh LEE KIM BEE kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh LEE KIM HUAT yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ADIK-BERADIK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 17 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
LA/383/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh HAJI IBRAHIM BIN HAJI MATDON kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh HAJI MADON BIN SARUDIN yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 17 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
LA/404/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh HAJI ISKANDAR BIN HAJI AHMAD BUJANG kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh HAJI AHMAD BUJANG BIN ABDULLAH yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 10 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 Disember 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
LA/393/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh PENGIRAN ANAK HAJI ROZANAN BIN PENGIRAN ANAK OMAR ALI kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh PENGIRAN HAJAH SITI MALA BINTI PENGIRAN HAJI TAJUDDIN yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah SUAMI kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 17 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH

PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 24 Disember 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
LA/407/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh FAUZIAH BINTI HAJI SALLEH kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh HANAFI BIN HAJI SABAN yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah BALU kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 17 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 5 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
LA/02/2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh KHASFULLAH BIN HAJI MUHAMMAD kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh HAJI MOHAMMAD BIN POKILBM HAJI ISMAIL @ HAJI ISHAK yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah ANAK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 17 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 5 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
LA/402/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh ZARINA BINTI SAID kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh WAN ALI BIN WAN IBRAHIM yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah BALU BERADIK kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 10 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 31 Disember 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
LA/17/2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh CHONG RUEY RU kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh SHAWN CASSIDY NARCIS yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah BALU kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 24 JANUARI 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 16 Januari 2015.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
LA/409/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh PENGIRAN IZAD-RYAN BIN PENGIRAN HAJI BAHRIN kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh CHRISTOPHER MALCOLM BELL yang telah meninggal dunia di MALAYSIA dengan sebab, iaitu si pemohon ialah PEMEGANG SURAT KUASA kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 7 FEBRUARI 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 12 Januari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :  
LA/05/2017**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh HJH. DYG. ROBIAH BINTI HAJI TAMIT kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh HAJI KARIYA BIN TUAH yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah BALU kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 7 FEBRUARI 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 12 Januari 2017.

(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)  
Penolong Pegawai Waris  
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**TAWARAN PERKHIDMATAN  
BAS SEWA**

**BILANGAN TAWARAN :**  
MOE/LTK/46/2016/2017  
(DA[BKP-JAN-2017])

**KETERANGAN**  
**TAWARAN PERKHIDMATAN BAS SEWA KHAS 22 MUATAN SEBANYAK SATU BUAH BAGI KAWASAN ANGKUTAN SEKOLAH RENDAH NAKHODA ABDUL RASHID, KAMPUNG MENUNGGOL, BRUNEI IV, DAERAH BRUNEI MUARA DI BAWAH KAWALAN BAHAGIAN KENDERAAN DAN PENGANGKUTAN, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN. UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

**BAYARAN YURAN /  
DOKUMEN TAWARAN : BND10.00**  
(bayaran dokumen tawaran tidak dikembalikan)

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :**  
31 Januari 2017  
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN  
WANG BAYARAN YURAN /  
DOKUMEN TAWARAN**  
Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

**SYARAT-SYARAT IKLAN TAWARAN**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
  2. Bayaran yuran tawaran bagi setiap tawaran adalah dikehendaki dalam **bentuk wang tunai**. Penender adalah dikehendaki membayar semua yuran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*).
  3. Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
  4. Sebelum mengambil borang, setiap penender hendaklah membayar yuran tawaran, di **Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam**. Sila pastikan resit pembayaran yuran tawaran yang diterima adalah betul.
- HARI DAN WAKTU PENERIMAAN  
WANG BAYARAN YURAN /  
DOKUMEN TAWARAN**  
Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.45 Pagi  
1.45 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi
5. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di **Tingkat 1, Blok 'A', Kaunter 6, Unit**

Tawaran dan Sebut Harga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyertakan resit pembayaran.

6. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan **Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 dan 17 dan salinan resit bayaran yuran tawaran**.

7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran tanpa menunjukkan identiti penender dan ditujukan kepada :

**PENGERUSI  
LEMBAGA TAWARAN KECIL  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
BLOK 'A', TINGKAT 1  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
KEWANGAN 'A'  
LAPANGAN TERBANG LAMA  
BERAKAS  
BANDAR SERI BEGAWAN, BA3510  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

8. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam**.

9. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

**SYARAT TAMBAHAN**  
Antara syarat-syarat iklan yang perlu dipatuhi :

1. Mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 dan 17.
2. Mempunyai permit yang sah yang dikeluarkan oleh MTLA, Jabatan Pengangkutan Darat.
3. Bas-bas yang ditawarkan hendaklah berusia 10 tahun ke bawah pada 2019 atau didaftarkan pada 2009.
4. Penender adalah ditegah melibatkan sub-kontraktor atau menyewakan syarikat kepada pihak lain.
5. Penender hendaklah menyatakan harga yang ditawarkan bagi sewa sebulan.
6. Tempoh kontrak adalah selama tiga (3) tahun.



**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 4 Januari 2017**. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn).

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil  
Peti Tawaran, Tingkat Bawah  
Kementerian Kesihatan  
Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan, BB3910  
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Selasa pada 31 Januari 2017**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**  
Isnin hingga Khamis  
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi  
2.00 Petang hingga 3.00 Petang  
Sabtu  
8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

- Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap. 114).
- Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.
- 7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

**TAWARAN**

BIL TAWARAN	KETERANGAN	YURAN TAWARAN	TARIKH TUTUP Tidak lewat Jam 2.00 petang
KK/01/2017 (UPP)(TC)	THE MANAGEMENT AND OPERATION OF CAR PARK FOR WOMEN AND CHILDREN BLOCK OF RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA (RIPAS) HOSPITAL FOR A PERIOD OF FIVE (5) YEARS	\$500.00	31/01/2017
KK/02/2017 (LAB)(TC)	TO SUPPLY AND DELIVER PREPOURED MEDIA FOR CLINICAL MICROBIOLOGY LABORATORY SERVICES, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF FIVE (5) YEARS	\$100.00	31/01/2017
KK/01/2017 (LAB)	TO SUPPLY AND DELIVER LABORATORY TEST KITS AND CONSUMABLES (ADVANCED 3320 OSMOMETER, A20 OSMOMETER, RANDOX-G6PD) FOR CLINICAL CHEMISTRY SECTION, CLINICAL LABORATORY SERVICES, MINISTRY OF HEALTH FOR A PERIOD OF ONE (1) YEAR	\$10.00	31/01/2017

# Suasana pembelajaran dan komunikasi berkesan hasilkan pelajar berjaya

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Januari. - Pengetua memainkan peranan penting ke arah menjadikan sekolahnya sebagai sekolah berkesan dan pengetua juga menjadi faktor penentu kejayaan sesebuah sekolah itu.

Sekolah berkesan ialah sebuah sekolah yang berjaya menghasilkan murid yang cemerlang dalam aspek akademik, ko-kurikulum, pembangunan sahsiah dan kemahiran sosial melalui pemupukan budaya tradisi dan watak sekolah itu sendiri.

Pelita Brunei berpeluang membuat tinjauan ke Sekolah Menengah Rimba (SMR) I dan menemui Pengetua sekolah berkenaan, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yussof yang sudah berkhidmat di sekolah berkenaan selama dua tahun.

Menyentuh mengenai perbezaan kemampuan pelajar dalam menerima pendidikan, Awang Haji Malai Shah Eran menyatakan ia adalah terpuang kepada sistem pembelajaran di setiap sekolah dari segi cara penyusunan kelas-kelas.

Di SMR I, katanya, pelajar-

pelajar yang berada dalam Tahun 7 dan 8 dibahagikan sama rata mengikut pilihan subjek yang dipelajari.

Bagi pelajar-pelajar yang berada di menengah atas seperti Tahun 9, 10 dan 11 jelasnya, mereka dibahagikan mengikut keputusan peperiksaan masing-masing di tahun sebelumnya, iaitu Tahun 8 sebelum memasuki Tahun 9.

"Pelajar yang meraih markah 65 peratus keatas terutama sekali dalam *core subject*, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pengetahuan Ugama Islam (PUI), mereka akan dimasukkan ke dalam Science Programme, yang mana subjek-subjek yang terdapat di dalam program ini adalah Pure Science seperti Physics, Biology dan Chemistry," ujarnya.

Menurut beliau, satu lagi program ialah bagi pelajar yang meraih markah 50 ke 65 peratus, iaitu General Programme yang memuatkan Combined Science dan satu lagi pilihan subjek seperti Principles of Account, Computer Studies dan sebagainya termasuk *core subject*,

manakala Applied Programme pula adalah bagi para pelajar yang mempunyai tahap pembelajaran di peringkat sederhana yang pada kebiasaannya hanya mampu meraih markah dari 40 ke 50 peratus sahaja, yang mana subjek pelajarannya adalah di peringkat Cambridge IGCSE bukan Cambridge 'O' Level.

Beliau menambah, satu lagi program dipanggil Special Applied Programme (SAP) adalah program bagi para pelajar yang lemah, yang mana mereka ini akan diajarkan lebih pada praktikal dari teori mengikut subjek pilihan sama ada Art dan Design atau Information Technology Qualification (ITQ) dan mereka dinilai melalui BTEch Pearson yang hampir setanding dengan Cambridge 'O' Level.

Jelasnya, dua subjek teras SAP ialah Bahasa Melayu dan PUI dan sekiranya mereka mampu menaikkan prestasi markah dengan baik, mereka akan dibenarkan untuk menduduki Peperiksaan Cambridge 'O' Level dan program-program yang ada adalah mengikut dasar yang diatur oleh Kementerian Pendidikan di bawah SPN21.

Selain itu, tegasnya, SMR I juga mempunyai strategi seperti Blocking System, yang mana pelajar-pelajar yang agak nakal disatukan bersama mereka yang tekun belajar dan dari sistem ini dapat menunjukkan pelajar yang nakal tadi akan terikut pelajar yang tekun dengan perlahan-lahan.

"Suasana pembelajaran juga diubah dari segi penyampaian guru dan cara berkomunikasi bersama pelajar, yang mana para pelajar akan dibahagikan pada kumpulan dan mereka akan berbincang mengenai topik yang diberikan oleh guru," katanya lagi.

Dari cara seperti ini, para pelajar akan dapat membuka minda mereka dengan memberikan pendapat-pendapat mereka dan berani meluahkan apa yang tersirat di fikiran mereka.

Pengetua SMR I seterusnya menambah, Sekolah berkenaan akan memperkenalkan satu program bagi pelajar Tahun 10 dan Tahun 11 yang dipanggil Extended Education yang akan diadakan pada sebelah petang di masa persekolahan, di mana program ini bertujuan untuk membantu para pelajar dalam pembelajaran mereka dengan mengikut teknik-teknik tertentu yang diharap akan membantu meningkatkan tahap prestasi



**PENGETUA Sekolah Menengah Rimba I, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yussof.**



**KAUNSELOR Sekolah Menengah Rimba I, Dayangku 'Ain Basyiirah binti Pengiran Haji Besar.**

pembelajaran pelajar itu nanti.

Selain pengetua dan guru sekolah, kaunselor juga memainkan peranan yang penting di dalam membimbing kecenderungan pelajar untuk meningkatkan motivasi diri.

Sekarang ini terdapat satu jawatan khas di sekolah menengah, iaitu Kaunselor yang berperanan dan bertanggungjawab dalam usaha mengembangkan segala potensi yang ada pada seseorang pelajar itu semasa di sekolah.

Dayangku 'Ain Basyiirah binti Pengiran Haji Besar merupakan Kaunselor di SMR I yang sudah berkhidmat selama hampir tiga tahun di sekolah berkenaan.

Menurutnya, di sekolah menengah bimbingan dan kaunseling merupakan satu tanggungjawab yang besar yang perlu dimainkan peranan oleh seseorang Kaunselor dan setiap rancangan pendidikan seharusnya beroperasi dengan andaian bahawa setiap penuntut mestilah berusaha untuk mencapai perkembangan peribadi yang maksimum.

"Perkhidmatan pendidikan mestilah mengiktiraf matlamat-matlamat peribadi setiap pelajar dan menolong mereka membuat rumusan dengan jelas dan realistik. Dalam usaha memenuhi hak-hak pelajar itu, mereka yang terlibat mungkin akan menghadapi beberapa masalah dan halangan," ujarnya.

Beliau menekankan bahawa perkhidmatan bimbingan dan

kaunseling merupakan aktiviti yang tersusun, yang akan menolong pelajar meneliti, menilai dan memilih matlamat peribadi yang realistik serta memastikan mencapai matlamat yang mereka perlukan.

Sebagai seorang kaunselor di sekolah menengah, tambahnya, ia berperanan menyelaras semua aktiviti bimbingan dan kaunseling dengan disokong, bantu oleh aktiviti kurikulum dan kokurikulum.

"Kaunselor juga harus mengkaji masalah-masalah yang terdapat di sekolah supaya program kaunseling yang diatur memberi manfaat kepada warga sekolah dan masyarakat sekitar," jelasnya lagi.

Menurutnya, peranan yang boleh dimainkan sebagai seorang kaunselor mestilah berlandaskan pengetahuan bimbingan dan kaunseling yang tepat supaya mampu menangani masalah di sekolah serta berjaya menghidupkan fungsi sebenar bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah.

Sebagai kaunselor seharusnya mengambil tahu masalah-masalah yang mungkin dihadapi yang menghalang pelaksanaan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah.

Walaupun dipercayai guru yang dipertanggungjawabkan sebagai guru bimbingan atau kaunselor mampu menjalankan tugas dengan baik, tidaklah dapat dinafikan kaunselor akan menghadapi pelbagai rintangan dalam melaksanakan tugasnya.

## Karnival Cinta Rasul tawarkan hadiah menarik

Siaran Akhbar :  
BattlePro Marketing and Management Services

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Januari. - Orang ramai dialu-alukan untuk hadir bersama keluarga bagi menyertai peraduan-peraduan yang ditawarkan sepanjang Karnival Cinta Rasul yang akan diadakan pada Khamis, 26 Januari hingga Ahad, 29 Januari 2017 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Antara hadiah-hadiah yang paling menarik yang ditawarkan di karnival ini adalah Pakej Tuisyen percuma yang bernilai BND1,700, iaitu bagi aktiviti Peraduan Mewarna yang terbuka pada dua kategori, iaitu kanak-kanak berumur 3 hingga 7 tahun bagi Kategori 'A', manakala kanak-kanak dan remaja yang berumur 8 hingga 13 tahun pula akan bertanding dalam Kategori 'B'.

Anak-anak yang menyertai peraduan ini akan berpeluang untuk memenangi Pakej Tuisyen percuma yang bernilai BND500, BND300, BND200 dan BND100 berserta dengan satu set alat tulis bagi setiap kategori.

Terdapat juga lima hadiah sagu hati bagi kedua-dua kategori yang telah disertai oleh kanak-kanak mengikut umur. Hadiah-hadiah tersebut adalah eksklusif sumbangan Enrich Tutorial.

Selain itu, aktiviti lain yang mengambil tempat ialah Peraduan Meneka Nama Surah, di mana orang ramai yang berumur 12 tahun dan ke atas akan berpeluang untuk memenangi sebuah iPhone, sumbangan BattlePro Marketing and Management Services (MMS) bagi mereka yang dapat meneka kesemua 30 surah di dalam masa 3 minit dengan tepat.

Anak-anak juga boleh menyertai Peraduan Tulisan Jawi dan juga 'Hijaiyyah : Bina Perkataan', di mana kedua-dua peraduan ini juga akan memenangi hadiah yang menarik. Kesemua peraduan yang disediakan tersebut akan berlangsung sepanjang karnival selama empat hari itu.

Antara aktiviti yang dijangka menjadi tumpuan adalah aktiviti menunggang kuda yang diberikan secara percuma pada Sabtu depan. Di samping itu, karnival ini juga akan mengendalikan tiga peraduan besar, iaitu Peraduan Membaca 3 Selawat Utama, Peraduan Dikir Daba'ie juga Peraduan Menghafal Surah Al-Mulk.

Pada karnival itu nanti, orang ramai berpeluang untuk berbelanja dengan menyokong usahawan-usahawan yang menyertai karnival ini.

Karnival anjuran bersama Jabatan Belia dan Sukan dengan BattlePro MMS ini bertujuan untuk memeriahkan dan menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul, sekali gus menyokong hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Keterangan lanjut mengenai karnival berkenaan, orang ramai boleh menghubungi talian +673 8307490.



123 | www.123.gov.bn | info@123.com.bn | td123bn

# Hari Keluarga eratkan silaturahmi



KUMPULAN juara yang menerima hadiah sempena Hari Keluarga Kolej International Graduate Studies (KIGS).

## Siaran Akhbar dan Foto : Kolej International Graduate Studies

MUARA, Isnin, 23 Januari. - Kolej International Graduate Studies (KIGS) telah mengendalikan Hari Keluarga bagi ahli keluarga dan rakan-rakan penuntut KIGS yang berlangsung di Pantai Muara juga

dikendalikan oleh mahasiswa dan mahasiswi. Menurut Siaran Akhbar KIGS, mahasiswa dan mahasiswi KIGS menggelar kumpulan mereka sebagai KIGS Night Owl untuk salah

satu subjek modul pelajaran bagi kursus Ijazah Business Administration.

Dalam ucapan pembukaan Pensyarah dari KIGS, Senthil Kumaar berkata, tujuan utama acara tersebut adalah untuk menyatukan dan mengeratkan lagi hubungan silaturahmi di antara ahli keluarga serta penuntut-penuntut

KIGS.

Dalam acara tersebut, terdapat sebanyak 10 jenis permainan seperti lompat dalam guni, pancing botol, boling kelapa dan lain-lain lagi yang akan dibuat oleh setiap kumpulan yang menyertai acara itu.

Di samping itu, *photo booth* dan cabutan angka bertuah juga telah disediakan untuk peserta dan semua yang hadir.

Tiga kumpulan teratas yang berjaya menyelesaikan kesemua 10 permainan dalam jangka masa yang paling pendek

membawa pulang pingat dan hadiah wang tunai.

Monica Arjs, salah seorang ahli dari kumpulan yang menjuarai acara tersebut berasa gembira dengan kemenangan kumpulan mereka dan berpuas hati dengan acara yang dikendalikan dengan berjaya serta meriah oleh KIGS Night Owl.

KIGS Brunei akan terus berusaha dalam menghasilkan mahasiswa-mahasiswi yang berkualiti tinggi bagi membantu Brunei mencapai Wawasan Brunei 2035.



ANTARA permainan yang diadakan oleh KIGS.

## Pelajar Pusat Ehsan diraikan



PARA pelajar Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam juga menerima sampul merah sempena Sambutan Tahun Baharu Cina.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BENGGURONG, Isnin, 23 Januari. - Sebagai langkah berterusan dalam memberi sokongan terhadap masyarakat kurang upaya di negara ini, Syarikat Vision Illusion telah mengadakan Sambutan Tahun Baharu Cina di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di sini.

Semasa sambutan tersebut, para pelajar Pusat Ehsan juga menerima sampul merah dan potongan rambut secara percuma.

Pada majlis tersebut, Pusat Ehsan juga menerima sumbangan dari Lian Fah Printing and Trading Co. sebanyak

BND300 yang diserahkan oleh Pegawai Lian Fah Printing and Trading Co., Wong Swee Kim kepada Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam adalah sebuah badan kebajikan bukan kerajaan dan tidak berasaskan keuntungan, menyediakan pembelajaran khas, latihan, pemedulian dan perkhidmatan pemulihan anggota badan kepada insan-insan istimewa di Negara Brunei Darussalam.

## Pindah milik tanah melalui online

Siaran Akhbar : Jabatan Tanah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Januari. - Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Tanah telah melancarkan Sistem Maklumat Pendaftaran Tanah dan Permohonan Tanah atau 'Registration Information System' (LARIS) pada 16 Februari 2016 untuk kegunaan orang ramai.

Sistem LARIS (<https://laris.gov.bn>) digunakan oleh orang ramai bagi mendapatkan permohonan secara atas talian atau *online* bagi permohonan 1) Pindah milik tanah; 2) Gadaian tanah; 3) Menyambung tempoh pajakan tanah; 4) Pajakan tanah persendirian dan 5) Tukar syarat khas tanah.

Sehubungan itu, sukacita memaklumkan bahawa permohonan pindah milik tanah melalui atas talian atau *online*

adalah mandatori mulai 1 Februari 2016 dengan menyemak lampiran Tatacara Permohonan Pindah Milik Tanah melalui Sistem LARIS.

Sebarang pertanyaan mengenainya, orang ramai bolehlah berhubung ke Jabatan Tanah di Daerah Brunei dan Muara, iaitu di Bahagian Pendaftaran, Tingkat Bawah, Jabatan Tanah atau bagi Daerah Belait / Tutong dan Temburong bertempat di Pejabat Tanah Daerah Belait / Tutong dan Temburong.

Waktu penerimaan pertanyaan adalah Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.30 petang.

Tatacara Permohonan Pindah Milik melalui Sistem LARIS adalah seperti berikut, iaitu pemohon perlu mempunyai alamat

e-mel peribadi; Mendaftar ke portal e-Darussalam; mengaktifkan akaun e-Darussalam dan seterusnya mendapatkan akses ke Sistem LARIS di <http://laris.gov.bn>.

Selain itu, para pemohon hendaklah memilih permohonan pindah milik dan mengisi borang secara *online* atau memuat naik dokumen-dokumen asal yang telah diimbas dalam format pdf mengikut senarai semak permohonan.

Di samping itu, para pemohon juga hendaklah memastikan semua maklumat yang diisi adalah benar dan betul sebelum menekan *submit* untuk menghantar permohonan atau tekan butang *save* untuk menyimpan maklumat yang telah diisikan.

Sebagai peringatan, cukai tanah hendaklah dijelaskan terlebih dahulu sebelum menghadapkan permohonan pindah milik melalui LARIS. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.

## Keputusan Peperiksaan Pra-STPUB dan STPUB dikeluarkan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Januari. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengeluarkan keputusan Peperiksaan Pra-Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (Pra-STPUB) dan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi (bagi calon-calon Pra-U I dan 2) di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkia dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkia.

Dari sejumlah 279 orang calon yang menduduki Peperiksaan Pra-STPUB, seramai 273 orang calon, iaitu 97.85 peratus telah memperolehi sekurang-kurangnya satu (1) pangkat Jayyid (Kepujian).

Daripada jumlah berkenaan, seramai 191 orang calon (68.46 peratus) telah berjaya memperolehi sekurang-kurangnya pangkat Jayyid (Kepujian) dalam semua mata pelajaran yang diduduki, iaitu peningkatan sebanyak 14.71 peratus.

Sementara dalam Peperiksaan STPUB, seramai 163 orang calon yang menduduki Peperiksaan STPUB dan daripada jumlah tersebut, seramai 158 calon, iaitu 96.93 peratus telah lulus. Peningkatan daripada pencapaian tahun 2015, iaitu sebanyak 3.77 peratus dengan peratus calon yang memperolehi pangkat Mumtaz (Cemerlang) juga meningkat sebanyak 1.03 peratus daripada 28.42 peratus pencapaian tahun 2015 kepada 29.45 peratus pada tahun ini.

Calon-calon yang menduduki peperiksaan-peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing.

# 15 belia sertai perkongsian budaya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Januari. - JENESYS merupakan sebuah program pertukaran belia yang dianjurkan dan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Jepun sejak tahun 2007 untuk menjalinkan hubungan dua hala dan persahabatan, di samping mempromosi nilai-nilai budaya masyarakat Jepun.

Selubungan itu, seramai 15 delegasi belia berlepas ke Tokyo, Jepun bagi menyertai Program Pertukaran Badminton Belia JENESYS 2016 (JENESYS 2016 Youth Badminton Exchange Programme) yang akan diadakan bermula 24 hingga 31 Januari nanti.

Delegasi diketuai oleh Penolong



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (tengah) bergambar kenangan bersama 15 belia yang berlepas ke Tokyo, Jepun bagi menyertai Program Pertukaran Badminton Belia JENESYS 2016.

Pekerja Kanan Belia dan Sukan di Jabatan Belia dan Sukan, Dayang Norainah binti Haji Abdul Hadi.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Wakil-wakil belia yang menyertai program ini terdiri daripada atlet-atlet badminton kebangsaan, ahli Persatuan Badminton Kebangsaan, mahasiswa Universiti Brunei Darussalam, mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, penuntut Pusat Pembangunan Belia, penuntut Laksamana College of Business,

penuntut Politeknik Brunei, ahli Persatuan Majlis AIDS, Ahli Persatuan Sukarelawan Kebangsaan, ahli Persatuan Pandu Puteri, penuntut Micronet International College, mahasiswi Universiti of Malaya dan penuntut Institute of Brunei Technical Education.

Sepanjang lapan hari program dijalankan, para peserta akan diberikan syarahan mengenai Jepun dan polisi kerajaan Jepun, membuat lawatan-lawatan yang berkaitan dengan tema program, membuat kunjungan hormat kepada kerajaan Jepun, menghadiri bengkel, *homestay* bersama keluarga angkat dan sebagainya.

Program tersebut bertujuan bagi mewujudkan persahabatan dan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Azmah Haji Ahad

jaringan para belia dari segi perkongsian maklumat berhubungan dengan budaya kehidupan sosial, kemasyarakatan, ekonomi dan perkembangan semasa, khususnya antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun.

Sementara itu, Awangku Muhammad Zulhili bin Pengiran Haji Hairin, selaku Ketua Belia menyatakan, mereka telah banyak membuat persediaan, di mana dua minggu sebelum mereka mengadakan sesi suai kenal di antara peserta, di samping berbincang mengenai *team building* serta perkara-perkara yang

perlu untuk dibawa ke program tersebut.

Menurutnya, antara aktiviti yang akan dilakukan di sana nanti adalah aktiviti badminton bersama para belia Jepun, *homestay* tinggal bersama keluarga angkat Jepun serta bertukar-tukar maklumat dan kebudayaan antara dua buah negara.

Beliau berharap, dengan adanya program seumpama ini para peserta akan memperolehi pelbagai manfaat yang dapat disalurkan ke NBD seperti dari segi ekonomi, teknologi atau kebudayaan bagi pembangunan negara.



**AWANGKU** Muhammad Zulhili bin Pengiran Haji Hairin, selaku Ketua Belia Program Pertukaran Badminton Belia JENESYS 2016.

## MSN United FC seri 4-4 dengan Kilanas FC

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Hamzah Mohidin

**MUKIM LUMAPAS**, Isnin, 23 Januari. - Pasukan MSN United FC dan Kilanas FC seri 4-4 pada Perlawanan Kalah-Mati (Play-Off) Liga Perdana Brunei DST 2017 yang berlangsung di Padang Bola Kompleks Sukan Sungai Kebun, di sini sekali gus menamatkan perlawanan *play-off* yang sudah mula diadakan dari sejak 7 Januari 2017 lalu.

Pada perlawanan sengit tersebut, pasukan Kilanas FC membuka tirai gol mereka menerusi sepakan yang dibuat oleh Md. Aminur seawal minit ke-8 permainan dimulakan, yang kemudian disusuli dengan gol penyamaan MSN United FC pada minit ke-30 melalui jaringan Awangku Md. Shahrin.

Pasukan MSN United FC seterusnya cuba mendominasi perlawanan apabila berjaya menjaringkan gol kedua menerusi Md. Hamdillah beberapa minit sebelum babak separuh masa pertama tamat.

Namun pemain Kilanas FC, Md. Saleh @ Abdul Salam berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-51 sejour separuh masa kedua bermula, dan seterusnya pasukan Kilanas FC berjaya melangkah setapak lagi menerusi gol ketiga mereka yang dijaringkan oleh Md. Dantarawi pada

minit ke-68.

Dalam pada itu, pasukan MSN United FC terus berusaha mengasak pasukan lawan mereka dengan melakukan beberapa cubaan untuk menjaringkan gol dan ia membuahkan hasil pada minit ke-71 menerusi sepakan Awang Huzaimi.

Beberapa minit sebelum masa tamat kedua-dua pasukan bersaing dengan

hebat bagi mencari kemenangan sehingga masing-masing berjaya menambah jaringan pada minit ke-84 dan ke-90, yang mana akhirnya kedua-dua pasukan terpaksa akur hanya sekadar seri 4-4.

Walau bagaimanapun, pasukan yang layak memasuki Liga Perdana Brunei DST 2017 adalah terdiri dari juara Kumpulan 'A', iaitu Tunas FC dan DSP United dari Kumpulan 'B', yang mana pembukaan perlawanan liga berkenaan akan diumumkan kemudian.



PEMAIN Kilanas FC (jersi biru) melarikan bola dari pemain MSN United FC (jersi oren).

### KEDUDUKAN TERKINI PERLAWANAN PLAY-OFF BRUNEI DST 2017

#### KUMPULAN 'A'

PASUKAN	P	M	S	K	J	B	PG	M
TUNAS FC	2	2	0	0	5	2	3	6
KILANAS FC	2	0	1	1	6	7	-1	1
MSN FC	2	0	1	1	4	6	-2	1

#### KUMPULAN 'B'

PASUKAN	P	M	S	K	J	B	PG	M
DSP UNITED	2	2	0	0	10	0	10	6
HAWA FT	2	1	0	1	5	7	-2	3
BESA FC	2	0	0	2	1	9	-8	0

Updated as of: 24<sup>th</sup> January 2017

Di sediakan oleh: Sekretariat Office, NFBAD House

: Layak ke Liga Perdana Brunei DST 2017



**BERITA-BERITA HARIAN** BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelita-brunei.gov.bn](http://www.pelita-brunei.gov.bn)

**BERFIKIRAN POSITIF, UBAH KEHIDUPAN, MANFAATKAN TEKNOLOGI**

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.